

SISTEM KEPERCAYAAN BOMOH DAN  
TEKNIK PENGUBATANNYA : TUMPUAN  
KHAS KEPADA BOMOH-BOMOH MELAYU

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh

No. Matrik: 33209

Nor Hayati Shafie

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1980/81

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pensyarah/penyelia pengkaji Dr. Raymond Lee di atas susah payah beliau membimbing pengkaji menyiapkan kajian ini. Pengkaji mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau yang tidak pernah jemu menegur dan memberi dorongan yang membina sehingga Latihan Ilmiah ini berjaya disiapkan. Tidak lupa juga pengkaji kepada jasa baik para responden iaitu Haji Salleh, Wak Mat, Mahaguru, Mak Jah, Mak Teh dan dua orang bomoh yang berbangsa Thai dan Tionghoa kerana memberi segala maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Akhir sekali terima kasih pengkaji juga kepada Cik Rozana yang menaip kajian ini serta kepada semua yang terlibat di dalam menolong pengkaji menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Bersikap-sikap amanah dan teliti dalam latar belakang bouch  
No. Matrik  
dalam perspektivisme dalam latar belakang dibincangkan 33209  
mengikas intar belakang pembeda bouch serta bagaimana bouch memperolehi  
Disember 1980  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Selanjutnya, pengkaji sebutkan jenis-jenis penyakit yang dijumpai serta cara-cara pengobatan mereka. Di sini pengkaji ada memberi perhatian buas pada teknikalistik pengobatan yang dianggap unik seperti misalnya minuman dan menggunakan barang-barang ganjil. Dari teknik

SINOPSIS

Pengkajian ini dilakukan di negeri Kedah di dalam tempoh masa lebih kurang dua setengah bulan. Pokok kajian yang dilakukan ialah mengenai sistem kepercayaan bomoh dan teknik-teknik pengubatannya. Temubual dilakukan ke atas tujuh orang responden yang terdiri dari lima orang berbangsa Melayu, seorang berbangsa Thai dan seorang lagi berbangsa Tionghoa. Tujuan mencampurkan bangsa-bangsa lain ke dalam kajian ini ialah untuk membuat perbandingan dari segi tafsiran persekitaran dan teknik-teknik pengubatan di antara keduanya. Dari bilangan tujuh orang responden ini terdapat dua orang bidan. Di dalam kontek kajian ini, bidan dimasukkan ke dalam kategori bomoh kerana memandangkan kepelbagaiannya jenis penyakit yang diubatinya.

Perbincangan dimulakan dengan melihat latar belakang bomoh dan tafsiran persekitarannya. Di dalam latar belakang, dibincangkan secara lengkap latar belakang peribadi bomoh serta bagaimana bomoh memperolehi ilmu perbomohan. Dari segi sistem kepercayaan dan tafsiran persekitaran bomoh, pengkaji meletakkan fokus perbincangan pada 'nature' manusia dan hubungannya dengan penyakit. Perbincangan di sini termasuklah komponen manusia dan ia dihubungkan dengan penyakit.

Bahagian kedua, pengkaji melihat jenis-jenis penyakit yang diubati serta cara-cara pengubatan mereka. Di sini pengkaji cuba memberi perhatian khas pada teknik-teknik pengubatan yang dianggap unik seperti mimpi, menurun dan menggunakan barang-barang ganjil. Dari teknik

perubatan ini, pengkaji juga cuba melihat bagaimana teknik-teknik perubatan bomoh disesuaikan dengan perubatan moden. Penyesuaian pada unsur-unsur baru ini mungkin telah menyebabkan institusi bomoh ini berpanjangan.

Pada bab yang terakhir, pengkaji memberi perhatian yang khusus pada bidan. Di sini liputan mengenai perbidanan bukanlah dibuat secara terperinci kerana pokok perbincangan di dalam kajian ini ialah mengenai bomoh secara umum. Jadi yang diberi perhatian di sini ialah mengenai hal-hal tertentu sahaja yang pengkaji rasa belum lagi disentuh oleh pengkaji-pengkaji lain. Hal-hal ini termasuklah seperti kepercayaan-kepercayaan yang terdapat diantara bidan dan pesakitnya, menentukan jantina bayi dan sebagainya.

#### LATAH BULAKAN DAN PENGKAJIAN

##### PERGAMAN BULAKAN

(A) Literatur yang

(B) Masyarakat semiperindustrian perbincangan

        - Konsep Berkot

        - Sistem Pengkajian

(C) Sistem Kepercayaan dan Tatalaksam

Percakupan (World View)

        (i) Kepercayaan manusia

            - Gerejoh Robert Berggatzek

        (ii) Konsep penyakit

DAFTAR ISI

	M.S.
Penghargaan	III
Sinopsis	IV - V
Daftar Isi	VI - VIII
<b>BAB I : PENGENALAN</b>	
Skop Kajian	1 - 4
Soalan-soalan penyelidikan	5
Metodologi	5
Teknik yang digunakan	7 - 8
Masaalah-masaalah yang dihadapi	8 - 12
<b>BAB II : KAJIAN TEKS MENGENAI PERBOMOHAN DI MALAYSIA</b>	13 - 25
<b>BAB III: LATAR BELAKANG DAN TAFSIRAN</b>	26
<b>PERSEKITARAN (WORLD VIEW)</b>	
(A) Latar belakang umum	26 - 29
(B) Bagaimana memperolehi ilmu perbomohan	29 - 38
- Konsep Berkat	38 - 39
- Bakul Pengkeras	39
(C) Sistem Kepercayaan dan Tafsiran	40 - 41
<b>Persekutaran (World View)</b>	
(i) Komponen manusia	41 - 43
- Cara Rohani bergerak	43 - 45
(ii) Konsep penyakit	46

**BAB IV : JENIS PENYAKIT YANG DIUBATI DAN TEKNIK PENGUBATAN**

<b>(A) Jenis-jenis penyakit yang diubati serta ramuan-ramuan yang digunakan</b>	<b>47</b>
(i) Orang yang mengalami gangguan emosi	47 - 51
- Makhluk Ghaib	47 - 50
(ii) Orang yang sakit tubuh badan	51 - 52
(iii) Membuat hikmat pada orang	52 - 54
<b>(B) Teknik Pengubatan</b>	<b>54</b>
(i) Mimpi	54 - 60
(ii) Menurun	60 - 62
- Isyarat-isyarat hendak lupa diri	62 - 64
- Cara memulihkan daripada lupa	64 - 65
(iii) Lain-lain cara pengubatan	65 - 77
- Jampi	65 - 68
- Urut	68 - 70
- Menggunakan akar kayu	70 - 74
- Menggunakan barang-barang ganjil	74
- Teknik pengubatan penyakit jiwa	75 - 77
dan ketagihan dadah	
- Cara memeriksa penyakit	78 - 78

**BAB V : BIDAN DAN TEKNIK PENGUBATAN**

<b>(A) Kepercayaan</b>	<b>79</b>
- Waktu hamil	79 - 80
- Selepas kelahiran	80 - 81
- Kepercayaan mencuba kebolehan bidan	81 - 83
sewaktu melahirkan anak	
<b>(B) Teknik-teknik pengubatan</b>	<b>83 - 84</b>
- Penjagaan selepas bersalin	84 - 85
- Cara menentukan jantina bayi	85 - 87
<b>(C) Bayaran (Pengkeras)</b>	<b>87</b>
- Pandangan mengenai ilmu yang makan diri	88 - 89

**BAB VI : PENUTUP**

89 - 95

**BIBLIOGRAFI**

96 - 97

**APPENDIX: LAMPIRAN I**

- Soal Selidik

98 - 99

**LAMPIRAN II**

- Gambar-Gambar

100 - 105

## BAB I


### PENGENALAN

#### SKOP KAJIAN

Terdapat banyak makalah-makalah dan buku-buku yang membincangkan mengenai institusi perbomohan. Institusi ini mula diberi perhatian dari pada zaman penjajahan Inggeris dengan tujuan untuk menyenangkan kerja-kerja mentadbir masyarakat pribumi. Semasa Dr. John Gimlette menulis bukunya 'Malay Poison and Charms' (1915), hingga sekarang kajian-kajian ini masih berterusan. Tetapi kalau hendak dibandingkan kajian institusi perbomohan ini dengan lain-lain bidang kajian, terdapat amat sedikit sekali kajian mengenai hal-hal yang berkait dengan institusi perbomohan. Di Malaysia sendiri, kita akan dapati amat sedikit sekali bilangan pengkaji pribumi yang mengkaji tentang kepercayaan-kepercayaan dan soal-soal seperti perubatan tradisional masyarakatnya sendiri. Pengkaji-pengkaji atau sarjana-sarjana bagi negara membangun, khususnya Malaysia, di dalam kontek ini lebih berminat pada perkara-perkara semasa. Kajian dan 'fieldwork' dilakukan pada perkara-perkara yang berkaitan dengan soal-soal negara seperti dari segi sistem-ekonomi, sistem politik dan masaalah sosial. Lebih tepat lagi kalau kita katakan pokok kajian ialah mengenai soal-soal pembangunan. Ini termasuklah bagaimana hendak membangun dari segi ekonomi dan masaalah-masaalah yang dihasilkan dari pembangunan tadi. Tumpuan di-industri-industri, sektor pertanian dan peranan agen pembangunan seperti FELDA begitu diambil perhatian oleh para pengkaji tempatan.

Tetapi kita tidak harus lupa bahawa kepercayaan dan keugamaan adalah perkara dasar yang mempengaruhi kehidupan manusia sehari-hari. Pada pendapat pengkaji, seseorang itu tidak akan terlepas dari bertindak mengikut lunas-lunas kepercayaan iaitu nilai-nilai serta norma-norma yang terdapat di dalam masyarakat yang ia diamti dan juga ugama yang ia anuti.

Berdasarkan pada keadaan di atas, maka pengkaji lebih berminat untuk melihat sistem 'belief' atau kepercayaan yang terdapat di kalangan masyarakat tempatan, khususnya masyarakat Melayu. Untuk tujuan ini, pengkaji melihat dari segi sistem kepercayaan serta amalan perubatan para bomoh dan bidan. Kita dapat bahawa bomoh dalam masyarakat Melayu adalah ahli dalam hal mengubat orang sakit boleh juga menjadi pegawai masjid atau seorang alim yang dihormati. Menurut Professor Taib Osman (1977) keseluruhan sistem kepercayaan orang Melayu boleh dilihat pada rajah tiga segi.



'World-View' atau Tafsiran Persekutaran masyarakat Melayu dihasilkan dari interaksi ketiga-tiga sudut A, B dan C. Pada institusi ini menurut beliau, kita boleh melihat paduan unsur-unsur yang setengahnya boleh disusur

kembali ke awal sejarah kebudayaan Melayu dan setengah-setengahnya pula hingga ke zaman ini. Dengan ini, perbomohan Melayu dapat memperlihatkan unsur-unsur yang berbeza itu berhubungan diantara satu sama lain di dalam institusi sosial. Jadi di sini untuk melihat kepercayaan masyarakat Melayu, kita boleh merojok pada institusi perbomohan.

Skop kajian telah dikhurasukan bidang kajiannya adalah kerana yang pertama lebih senang mengkaji skop pengkajian yang kecil. Ini juga akan mengelakkan daripada kurang 'valid'nya bidang kajian. Kalau bidang kajian terlalu luas pengkaji tidak dapat memberi perhatian dengan teliti terhadap perkara yang dikaji. Perkara kedua ialah memandang keadaan kewangan yang kecil dan juga masa yang begitu terhad. Tumpuan pengkaji lebih banyak pada bomoh dan bidan yang berbangsa Melayu daripada bangsa-bangsa lain.

Bidang ini dipilih oleh pengkaji kerana bomoh dan bidan memainkan peranan yang begitu penting di dalam masyarakat Melayu. Di tahun-tahun sebelum datangnya peradaban serta pendidikan barat (khususnya pehak Inggeris), peranan atau fungsi bomoh begitu menonjol sekali di kalangan masyarakat Melayu. Di lain perkataan, peranannya di sini tidaklah terhad pada bidang mengubati dan menyembuhkan penyakit sahaja, bomoh juga terlibat di dalam kegiatan-kegiatan kehidupan harian masyarakat Melayu. Aktiviti-aktiviti ini seperti di dalam upacara mendirikan rumah baru, upacara perkahwinan, berpindah rumah, meneroka hutan, memilih jodoh, hal-hal mengenai kelahiran bayi, bersunat, mengubati penyakit dan lain-lain lagi.

Pada masyarakat Melayu awalnya, penglihatan mereka mengenai konsep

'cosmos' ini seolah-olah terbahagi kepada dua, iaitu dunia nyata dan dunia 'spiritual'. Dunia nyata didiami oleh manusia biasa manakala dunia 'spiritual' didiami oleh hantu-hantu, semangat, roh dan sebagainya yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Jadi bomoh telah menjadi orang yang terpenting di dalam menghubung 'dua dunia' ini.

Soal pokok kajian, pengkaji hendak melihat bagaimana 'world-view' atau Tafsiran Persekutaran bomoh-bomoh ini dan cara mereka menerangkan fenomena-fenomena yang terdapat di dunia ini khususnya penerangan mengenai manusia itu sendiri. Di lain perkataan, diantara penjelasan-penjelasan itu ialah mengenai konsep penyakit, 'supernatural being' iaitu hantu dan semangat, tubuh badan manusia, cara-cara pengubatan, ubat-ubatan dan alat-alat yang digunakan di dalam pengubatan dan jika terdapat upacara-upacara tertentu di dalam pengubatan.

Selanjutnya dengan kedatangan sistem pelajaran dan peradaban dari barat, iaitu dengan adanya perubatan moden, pengkaji ingin melihat bagaimakah kesan-kesan perubatan ini kepada kehidupan bomoh amnya. Dengan berubahnya struktur masyarakat, bagaimana bomoh menyesuaikan diri kepada keadaan yang 'baru' ini? Dari segi peranannya, adakah ianya telah menjadi terhad di waktu-waktu sekarang ini? Akhir sekali, pengkaji juga ingin melihat pendapat bomoh mengenai perubatan moden. Di dalam menghadapi keadaan seperti ini, seseorang bomoh itu adakah 'pro' atau 'contra' pada perubatan doktor yang terdapat di waktu sekarang ini. Di dalam menghadapi keadaan yang sentiasa berubah, adakah teknik-teknik pengubatannya turut berubah kerana selalunya teknologi akan mempengaruhi ideologi seseorang itu.

## SOALAN-SOALAN PENYELIDIKAN

Berhubung dengan soalan-soalan penyelidikan, pengkaji membahagikan soalan penyelidikan kepada dua bahagian. adalah seperti berikut :-

Pada bahagian A, dimasukkan soalan-soalan yang terdiri dari latar-belakang responden. Di dalam bahagian ini terkandung tempat lahirnya, umur, jantina, taraf perkahwinan, tempat tinggal dan lain-lain lagi. Soalan-soalan ini merupakan 'close-ended'.

### (5) Kadiang, Kedah.

Di bahagian B, soalan-soalan bercorak 'open-ended' di mana pengkaji menyediakan soalan-soalan dasar mengenai 'world-view' bomoh dan bidan, tabii sesuatu penyakit, jenis-jenis penyakit yang diubatinya dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun, soalan-soalan ini bukanlah merupakan soalan-soalan yang muktamat bagi semua responden. Ini memandangkan terdapat pendapat responden yang berbeza di antara satu sama lain atau terdapat perkara-perkara baru. Ini semua memerlukan penguraian yang lebih lebar.

## METODOLOGI

Kajian ini telah dilakukan di negeri Kedah. Namun begitu tidak ada kawasan khusus yang menjadi tumpuan pengkaji. Oleh kerana di waktu sekarang ini bilangan jumlah bomoh adalah begitu terhad sekali, jadi adalah mustahil bagi pengkaji untuk membuat kajian pada satu kawasan sahaja. Tambahan pula, pada satu tempat sahaja tidak terdapat berbagai-bagai jenis bomoh serta bidan. Kadang-kadang di dalam satu kawasan, mungkin ada dua

atau tiga orang bomoh sahaja, iaitu seperti mana yang terdapat di kawasan kampung pengkaji sendiri. Jadi di sini adalah lebih senang kalau pengkaji mengatakan kawasan kajian pengkaji ialah di negeri Kedah. Di antara tempat yang telah pengkaji mengadakan temubual adalah seperti berikut :-

- (1) Kampung Berjaya, Alor Star, Kedah.
- (2) Pekan Rabu, Alor Star, Kedah.
- (3) Batu 3, Kota Sarang Semut, Alor Star, Kedah.
- (4) Pekan Melayu, Alor Star, Kedah.
- (5) Kodiang, Kedah.
- (6) Hutan Kampung, Alor Star, Kedah.

Untuk tujuan ini, pengkaji telah menebual seramai tujuh orang responden. Pemilihan responden adalah berdasarkan pada kesenangan pengkaji untuk menghubunginya. Ini termasuklah bomoh-bomoh yang terdapat di sekitar kawasan Alor Star amnya. Di dalam pemilihan responden, pengkaji memilih bomoh/bidan yang ada hubungan samaada dengan pengkaji atau keluarga pengkaji. Di lain perkataan, telah ujud jalinan perkenalan dan persahabatan di antara bomoh dengan pengkaji atau keluarga pengkaji. Ekoran daripada ini, pengkaji lebih senang mengasaskan 'rapport' dan menjimatkan masa. Di samping itu, responden-responden lebih senang untuk memberi maklumat pada pengkaji.

Bilangan responden yang seramai tujuh orang tadi terdiri dari lima orang berbangsa Melayu, seorang berbangsa Thai dan seorang lagi berbangsa Tionghoa. Tumpuan pengkaji lebih pada bomoh yang berbangsa Melayu adalah

disebabkan oleh beberapa faktor. Diantaranya ialah kerana senang memperolehi responden-responden berbangsa Melayu. Ini ditambah dengan faktor bilangan bomoh daripada keturunan bangsa lain adalah amat sedikit jumlahnya. Dan yang paling penting sekali, kajian yang dilakukan adalah mengenai soal-soal kepercayaan yang berhubung dengan orang Melayu.

Bagi keadaan bomoh yang tinggal di kawasan yang boleh dianggap 'kampung', semasa menebual responden, pengkaji akan ditemani oleh bapanya.

#### TEKNIK YANG DIGUNAKAN

Secara keseluruhan, pengkaji menggunakan metode 'questionnaire' dan temubual. Pengkaji telah menebual responden-responden berdasarkan pada 'questionnaires' yang telah disiapkan. Di dalam menjalankan temubual, pengkaji menggunakan satu alat, iaitu pita rakaman. Terlebih dahulu, pengkaji telah meminta kebenaran daripada responden untuk menggunakannya. Kalau responden memberi kebenaran, maka barulah pengkaji menggunakan pita rakaman. Walaubagaimanapun, di dalam temubual pengkaji, semua responden-responden memberi kebenaran terhadap penggunaan pita rakaman.

Berdasarkan pada pengalaman pengkaji sendiri, penggunaan pita rakaman sangat perlu disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya, konsep-konsep yang diberikan oleh para responden kadang-kadang amat rumit terutama yang berhubungan dengan perkara-perkara 'spiritual'. Amat susah bagi pengkaji untuk mencatat data-data demikian. Tetapi dengan penggunaan pita rakaman, masalah-masalah ini dapat diatasi dimana pengkaji boleh memainkan semula

pita rakaman pengkaji.

Keduanya, adalah memudahkan pengkaji untuk merakam maklumat-maklumat yang berupa jampi serapah. Kalau tiada dengan pertolongan pita rakaman, pengkaji mungkin terpaksa mengulang beberapa kali pertanyaan pada responden mengenai perkara-perkara yang tidak dapat dicatat. Kalau jampi serapah tadi terlalu panjang, ini tentu menjemukan responden di mana ia terpaksa bertutur dengan lambat untuk membolehkan pengkaji menyalinnya. Dengan ini tidak terjadi perkara-perkara seperti ada maklumat yang tertinggal oleh pengkaji di mana semua perbualan dapat dirakamkan.

Untuk melengkapkan lagi maklumat-maklumat yang diperolehi, pengkaji juga menggunakan kamera. Gambar-gambar diambil berkaitan dengan ubat-ubatan, benda-benda ganjil seperti azimat yang didakwa dipunyai oleh setengah-setengah responden pengkaji.

#### MASAALAH-MASAALAH YANG DIHADAPI

Di dalam mengumpul maklumat-maklumat, terdapat beberapa kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji. Walaubagaimanapun, secara keseluruhan, masaalah-masaalah ini bukanlah merupakan masaalah yang begitu berat dihadapi oleh pengkaji. Sedapat mungkin, pengkaji telah cuba seberapa daya untuk mencari jalan mengatasinya.

Menyorot di dalam hal untuk mendapatkan maklumat tidaklah begitu sukar. Kebanyakkann responden kelihatan bersedia untuk memberitahu tentang kejayaan

perubatan masing-masing.

Masaalah yang dihadapi ialah di dalam mendapatkan ilmu jampi. Dari pada hasil kajian pengkaji boleh dikatakan tiga perempat daripada responden tidak begitu mahu memberi ilmu jampi yang dianggap 'rahsia besar'. Menurut dua orang bidan yang ditemui, jampi-jampi tidak boleh diberitahu kerana kalau rahasia ini dibongkar, maka sesiapa saja boleh menjadi bidan. Responden-responden yang memperolehi ilmu jampi melalui menuntut atau keturunan, adalah menjadi pantang larang. Segala ilmu yang diperolehi hanya dipereturunkan melalui keturunan atau cara menuntut yang tertentu sahaja. Rahsia ini tidak dipecahkan pada 'orang luar' kerana ini mungkin menjasak kedudukan para bomoh dan bidan di dalam mencari pendapatan hidup. Salah seorang daripada dua bidan ini mendakwa ia hanya akan mengingati jampi-jampi apabila ia mengubati penyakit sahaja. Selepas selesai upacara mengubati penyakit, responden tadi mendakwa ia tidak ingat lagi akan jampi-jampi tadi. Ini mungkin satu cara bagi responden melindungi rahasias-rahsia jampi. Kemungkinan terjadi kenyataan-kenyataan demikian hanyalah untuk mengelakkan pertanyaan pengkaji. Masaalahnya di sini perkara seperti ini adalah satu isu yang sensitif. Kalau pengkaji cuba bertanya lebih jauh lagi, ini mungkin akan menjelaskan hubungan antara pengkaji dan responden.

Melihat kembali pada masaalah menemui responden, keadaan kawasan tempat memainkan peranan penting. Satu kes yang dihadapi oleh responden ialah berhubungan dengan responden berbangsa Thai. Kampung yang didiami oleh beliau iaitu Kodiang terbahagi kepada dua kawasan. Pada satu kawasan, didiami oleh mereka yang berbangsa Melayu dan pada satu bahagian lagi di-

diami oleh mereka yang berbangsa Thai. Pengkaji tidak boleh masuk sebarang-an ke kawasan Thai ini. Ini adalah kerana pengkaji tidak mengenali sesiapa di kawasan tersebut. Dengan kedatangan pengkaji, ini mungkin dianggap satu pencerobohan dan terdapat prasangka-prasangka yang kurang baik. Jadi sebelum menemui responden, pengkaji terlebih dahulu harus menemui penghulu kawasan Kodiang (berbangsa Melayu). Dengan pengaruh penghulu ini, responden lebih bersedia untuk ditemubual.

Selain daripada masaalah jarak tempat tinggal responden yang jauh, masaalah yang dihadapi juga terdapat di dalam menebual responden. Masaalahnya di sini bukanlah dari segi penglibatan responden. Kesulitan yang timbul ialah apabila orang lain hadir sama semasa pengkaji menebual responden. Keadaan seperti ini dihadapi bagi dua orang responden. Menyorot kembali kepada peristiwa membawa penghulu di dalam temubual pengkaji, terdapat beberapa masaalah yang timbul. Pertamanya terdapat kecenderungan bomoh Thai untuk menjawab pertanyaan penghulu daripada pengkaji sendiri. Perbualan dari temubual selalu saja dibawa kepada hal-hal peribadi di antara bomoh dan penghulu. Perbualan ini kadang-kadang memakan masa yang agak lama dan ini mengganggu temubual. Perkara-perkara seperti ini agak susah dikawal kerana penghulu dan bomoh Thai telah lama berkawan. Ini ditambah pula mereka sudah lama tidak berjumpa, jadi banyak perkara yang hendak dibualkan. Untuk mengelakkan keadaan ini daripada berlanjutan, terpaksa pengkaji mengganggu perbualan-perbualan yang terkeluar dari topik temubual. Selain dari itu, bagi kes bomoh ini, di dalam temubual pengkaji terdapat juga kehadiran orang lain. Mereka-mereka yang hadir sama ini adalah jiran-jiran yang tinggal berdekatan dengan rumah bomoh Thai. Jadi apa yang menyulitkan

pengkaji, kadang-kadang apabila soalan ditanya pada responden, mereka yang hadir sama ini akan menjawab dan memberi pendapat mereka sendiri. Akhirnya responden hanya menganggukkan kepala sahaja tanda setuju. Keadaan seperti ini tidak begitu baik pada pendapat pengkaji di mana jawapan yang diperlukan ialah daripada responden. Untuk mengatasi masaalah ini, pengkaji secara diplomasi terpaksa menahan jiran-jiran tadi dari mengganggu temubual pengkaji dengan responden yang berkenaan.

Keadaan yang sama dihadapi bagi seorang lagi responden. Responden ini dikaji di Pekan Rabu, Alor Star, Kedah. Pekan Rabu merupakan sebuah bangunan yang mempunyai deretan kedai-kedai. Kedai-kedai ini menjalankan beranika jenis perniagaan seperti kedai jahitan, kedai barang makanan, kedai ubat-ubatan, kedai buku, majallah dan sebagainya. Jadi, apa yang ingin dijelaskan oleh pengkaji di sini, sudah tentu terdapat gangguan-gangguan dari pelanggan-pelanggan responden tadi dan juga dari penjual-penjual yang berdekatan. Terdapat satu keadaan pengkaji telah mengemukakan soalan yang berhubungan dengan 'ubat pengasih'. Responden di dalam jawapannya telah menyelitkan jampi-jampi untuk ubat pengasih. Tetapi apa yang telah berlaku ialah responden telah dihalang oleh rakannya yang hadir sama. Rakannya ini telah menghalang beliau dengan alasan bahawa kelak pengkaji akan menggunakan jampi-jampi ini untuk kepentingan diri pengkaji sendiri. Seterusnya beliau telah memburuk-burukkan tentang keadaan pergaulan di Universiti. Sungguhpun begitu disebabkan responden tadi mengenali bapa pengkaji, maka ia tidak terpengaruh dengan keadaan demikian. Keadaan-keadaan yang ujud seperti ini memang boleh menjelaskan pengkaji daripada memperolehi maklumat-maklumat.

Bercakap mengenai memberi maklumat, terdapat sikap responden yang prasangka terhadap kajian pengkaji. Satu keadaan yang dihadapi oleh pengkaji ialah berhubungan dengan bomoh Thai. Apabila diberitahu bahawa pengkaji sedang membuat kajian, ia menyatakan bahawa ia seorang yang tua dan banyak perkara yang ia sudah lupa. Ia nampaknya begitu keberatan untuk memberitahu tentang ramuan ubat-ubatan kerana mungkin disangkanya pengkaji cuba untuk memperolehi ilmu darinya. Jampi-jampi telah diperolehi oleh beliau dengan bersusah payah menuntut sehingga memakan masa beberapa tahun. Jadi adalah tidak begitu mudah baginya untuk membocorkan rahsia tersebut pada orang asing. Kalau diberitahu pun, ia akan bercakap dengan cepat dan nada suara yang perlahan sekali sehingga pengkaji tidak tahu biji butir yang dipertuturkannya. Apabila disoal semula, responden kelihatan marah. Jadi untuk mengelakkan 'pergeseran', pengkaji cuba mengalih perbualan kepada topik perbincangan yang lain.

(1) Mohd. Zaini Ahmad, "The shaman's role in rural society," *Social Change*, 1976,卷III, 31.

(2) "Shamanism in Southeast Asia,"

BAB IIKAJIAN TEKS MENGENAI PERBOMOHAN DI MALAYSIA

Penulisan tentang bomoh mula dilakukan pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Sarjana-sarjana barat yang awal menulis berkenaan dengan hal-hal perbomohan ini ialah seperti Walter William Skeat (1900), Dr. John Gimlette (1915) dan Sir Richard Winstedt (1947). Bermula dari tahap penjajahan Inggeris ini, telah terdapat banyak makalah-makalah dan buku yang membincangkan tentang topik yang berkenaan dengan perbomohan.

Sungguhpun terdapat banyak makalah-makalah dan buku-buku yang membincangkan soal perbomohan, tetapi tidak ada satu tek yang asal menulis tentang hal perbomohan ini

"But as yet no original texts on Malay medicine which are generally known by the term 'kitab tib' have been translated and published". (1)

Ini mungkin berpunca dari keadaan yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu sendiri. Segala hal-hal yang bersabit dengan perbomohan adalah satu ilmu yang dirahsiakan dari pengetahuan umum. Pembelajaran tentang ilmu ini hanya terbuka kepada 'the initiated and the practitioner' (2). Di kalangan orang Melayu sendiri fenomena ini telah diterima umum. Mereka tidak menyoal tentang perkara-perkara yang bersabit ini dan

(1) Mohd. Taib Osman - The Bomoh's Role in Rural Society. New Straits Times, 1975 (April 1).

(2) Ibid - New Straits Times

menerima institusi perbomohan tanpa meragui akan ilmu bomoh tadi. Tetapi dengan kemasukkan pendatang-pendatang dari barat, institusi bomoh merupakan satu perkara yang asing dan dengan itu mungkin telah menarik minat mereka untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang perkara ini. Kita ketahui bahawa pehak Inggeris bertapak di Tanah Melayu lebih kurang lapan puluh tiga tahun (1874 - 1957), jadi ilmu pengetahuan mengenai kepercayaan orang Melayu boleh menolong pehak Inggeris di dalam hal-hal pentadbiran.

Folok perbinangan beliau berliger pada sejarahnya selama ini dan

".... but, speaking generally, there can be no doubt that an understanding of the ideas and modes of thought of an alien people in a relatively low stage of civilisation facilitates very considerably the task of governing them, and in the Malay Peninsula that task has now devolved mainly upon Englishmen". (3)

Jadi tidaklah menghairankan kepada kita kalau sarjana-sarjana barat yang terlebih dahulu membuka lembaran di dalam bidang ini. Di dalam menulis tentang bidang ini, sarjana-sarjana barat telah menggunakan berbagai-bagai pendekatan di dalam membuat penghuraian mereka.

Pada awal-awal penulisan tentang bidang ini, sarjana-sarjana Inggeris zaman penjajahan lebih merupakan sebagai pengumpul dan penyusun. Ini jelas kelihatan daripada tajuk-tajuk buku mereka misalnya Walter William Skeat

(3) Walter William Skeat - Malay Magic  
- An Introduction to the Folklore and popular religion of the Malay Peninsula.  
Dover Publications, Inc. New York, 1967. Hal IX

menulis "Malay Magic" - An Introduction to the Folklore and popular religion of the Malay Peninsula (1900). Di dalam bukunya ini, beliau telah cuba mengumpul cerita-cerita rakyat (folklore) Melayu ke dalam satu buku. Pengumpulan-pengumpulan cerita rakyat ini dikutip dari berbagai-bagai makalah *dan* makalah orang Melayu sendiri yang belum diterbitkan. Di samping itu juga penulisannya adalah berdasarkan pada pemerhatian-pemerhatian selama beliau menduduki Tanah Melayu khususnya negeri Selangor. Pokok perbincangan beliau berligar pada cerita-cerita rakyat, ugama dan magis.

Beliau memulakan perbincangan mengenai cerita rakyat Melayu. Di dalamnya ia telah memaparkan bagaimana dunia ini terjadi, kejadian manusia dan sebagainya dari sudut pandangan orang Melayu. Beliau telah mengintegrasikan unsur-unsur islam dan unsur-unsur tempatan di dalam membahaskan pandangan orang Melayu mengenai fenomena ini.

Seorang lagi sarjana barat ialah Dr. John D. Gimlette telah menulis di dalam bukunya yang bertajuk 'Malay Poisons and Charms Cures' (1915). Beliau adalah seorang doktor dan menetap di Tanah Melayu selama lapan belas tahun. Sepuluh tahun daripada masa ini dihabiskannya di negeri Kelantan. Jadi penulisannya banyak berdasarkan pada pengalaman-pengalamannya di negeri Kelantan. Di dalam penulisannya ini, beliau menggunakan pendekatan yang berbeza dari Skeat. Penumpuan beliau adalah lebih kepada bahan-bahan ubat-ubatan orang Melayu. Beliau melihat bagaimana orang Melayu menggunakan racun-racun untuk memusnahkan musuhnya. Misalnya racun digunakan pada keris dan di dalam makanan (santau) dengan tujuan membunuh.

Perbincangan beliau mengenai hal ini begitu luas sekali. Beliau telah memberi cara-cara untuk menggunakan racun, bagaimana memperolehi racun ini sehinggalah klasifikasi racun itu. Selain dari ini, ia juga membincang tentang penggunaan 'charms' atau pemujaan untuk mengubati sakit.

Terdapat seorang lagi sarjana yang membuat liputan mengenai hal perbomohan di Kelantan. Beliau ialah Raymond Firth yang menulis di dalam artikel 'Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic' (1974). Sungguh pun tempat yang dikaji oleh beliau adalah Kelantan tetapi pendekatan beliau di dalam melihat hal perbomohan adalah berbeza sekali dengan Gimlette. Tidak seperti Gimlette yang menumpukan pada ramuan ubat-ubatan orang Melayu, Firth membincang hal perbomohan Melayu dari segi sosial. Beliau mempunyai dua tujuan di dalam membuat pengkajiannya mengenai perbomohan di Kelantan. Yang pertamanya ia telah cuba untuk memberi data tentang magis orang Melayu Kelantan iaitu di kawasan pantai berhampiran Bacok. Yang keduanya, ia telah cuba menjelajah masaalah-masaalah di dalam kepercayaan tempatan mengenai magis dan mencabar pandangan 'monolithic' mengenai magis Melayu sebagai "self-sufficient system of general evidence" (4). Dengan magis di dalam kontek ini menurut Firth adalah perlakuan. Yang penting di dalam perlakuan ini ialah perlakuan yang bercorak 'ritual' iaitu berdasarkan kepercayaan kepada kuasa 'superhuman'. Dari-

---

(4) Raymond Firth - *Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic*  
disunting oleh William Roff - *Kelantan, Religion Society & Politics  
in the Malay States* - Columbia University, New York, 1974.

pada rangka-rangka bahan yang dikutip, beliau telah menganalisa secara kasarnya sebahagian daripada aspek-aspek magis misalnya di dalam pertanian, penangkapan ikan, mengawal diri sendiri dan pengubatan.

Dari kajian-kajian oleh sarjana barat, kita dapat melihat bahawa mereka telah cuba mencari satu struktur apa yang dikatakan kepercayaan orang Melayu serta amalan-amalan yang terdapat di dalamnya. Kirk Michael Endicott di dalam bukunya *An Analysis of Malay Magic* (1970) telah cuba membuaturaian sedemikian rupa. Di dalam membuat kajiannya, beliau telah cuba untuk mencari susunan di dalam rangka kepercayaan magis dan amalan-amalan orang Melayu di Tanah Melayu. Tetapi berbeza dengan sarjana-sarjana barat yang lain, Endicott tidak menjalankan 'fieldwork' di dalam membuat kajiannya. Beliau mendapat sumber dari penulisan-penulisan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Sungguhpun begitu beliau telah dapat memberi penganalisaan yang baik mengenai magis di kalangan orang Melayu. Di dalam kajiannya, beliau telah membahagikan dua jenis susunan di dalam kepercayaan magis dan amalan-amalan orang Melayu. Yang pertamanya susunan tradisional atau apa yang diistilahkan oleh beliau sebagai 'traditional order'. Susunan ini dibentuk di atas kepercayaan dan ide-ide khusus orang Melayu dan hubungan dengan fenomena-fenomena tertentu. Yang keduanya pula ialah 'structural model'. Susunan ini didapati daripada analisa susunan tradisional tadi. Secara amnya dapat dilihat bahawa kajian Endicott adalah satu penganalisaan yang mendalam tentang struktur hubungan antara alam biasa (material) dan alam luar biasa (supernatural realm). Fenomena ini boleh dilihat daripada lambang-lambang dan pernyataan-pernyataan seperti mentera, serapah dan lain-lain di dalam upacara-upacara magis orang

Melayu (5).

Sarjana-sarjana awal seperti Sir Richard Winstedt mempunyai pandangan sejarah di dalam membincang mengenai sistem kepercayaan Melayu. Cara yang dilakukan oleh mereka ialah menyelidik dan menghuraikan latar belakang serta asal usul sesuatu unsur kebudayaan yang terdapat pada orang Melayu pada masa ini. Ini dapat dilihat daripada tajuk-tajuk karya itu sendiri. Misalnya buku-buku Winsted yang bertajuk "The Malays : A Cultural History" dan "The Malay Magician : Being Shaman, Saiva and Sufi". Di dalam bukunya "The Malays : A Cultural History" beliau menganggap bahawa kebudayaan Melayu sebagai satu rangka ide-ide, amalan-amalan dan teknik-teknik yang telah lama diperaktikkan oleh masyarakat Melayu. Keadaan-keadaan ini telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu amnya. Kebudayaan Melayu menurutnya lagi meliputi pada takut pada semangat, pesepsi untuk tidak melakukan kesalahan, sambutan hari kelahiran Nabi Muhammad, 'ritual' yang berunsur Hindu di hari-hari kebesaran di raja dan lain-lain lagi. Sarjana-sarjana awal ini mementingkan pengaruh Hindu. Menurut Winstedt misalnya (1961) sesebuah mentera mengatakan urutan bomoh itu pertamanya daripada fina, kemudian diikuti oleh Nur Muhammad dan seterusnya dari Lokman al-Hakim dan akhir sekali baru sampai kepada bomoh.

Setelah melihat karya-karya sarjana-sarjana Barat yang awal, kita cuba lihat pula hasilan sarjana-sarjana terkemudian. Satu perkara penting

---

(5) Mohd. Taib Osman - Perbomohan : Satu aspek world-view dalam kebudayaan Melayu. Disunting oleh Dr. Zainal Kling - Masyarakat Melayu antara tradisi dan perubahan. Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur 1977 - Hal 5

di sini ialah sistem perbomohan pada satu kawasan atau negeri adalah berbeza dengan kawasan dan negeri yang lain di Malaysia ini. Salah satu sebabnya ialah pengaruh-pengaruh asing yang berbagai. Misalnya bagi negeri-negeri di utara Malaysia, mereka lebih terpengaruh dengan unsur-unsur Hindu-Budhis. Fenomena-fenomena seperti ini telah dapat dibuktikan. Salah seorang sarjana yang menulis mengenai hal seperti ini ialah David J. Banks di dalam bukunya 'Trance and Dance in Malaya' (1976). Buku ini menghalakan fokus kajian kepada ide-ide yang sistamatis sepetimana ianya disedari di dalam hal 'ritual'. Beliau telah cuba membincangkan bidang yang luas mengenai magis, kepercayaan dan amalan-amalan penduduk di Sik, Kedah. Di dalam penghuraian beliau, ia juga melihat samada fenomena-fenomena yang terdapat di dalam masyarakat yang berkenaan dipengaruhi oleh unsur-unsur daripada luar seperti Hindu dan Budha. Beliau telah memaparkan rangka ide orang Melayu yang diperolehinya melalui lisan, perhatian, kesusastraan di kawasan Sik. Di dalam buku ini, beliau telah melihat kosmologi orang Melayu dan dasar perhubungan di antara manusia dan semangat. Perhubungan di antara semangat dan manusia diandaikan telah berlaku pada tahap awal di dalam sejarah manusia dan berterusan hingga ke hari ini. Perhubungan ini ialah melalui dua proses iaitu 'mediation' dan 'henditary'.

Rangka-rangka ide orang Melayu menurut Banks dimanifestasikan melalui upacara-upacara 'ritual' tertentu seperti Mak Yong. Pada beliau, pengaruh Hindu-Budhis adalah penting. Unsur-unsur daripada pengaruh ini diperolehi dari perhubungan di antara orang Melayu dan mereka yang bercakap bahasa Thai. Ketidak harmonian di antara dunia manusia dan semangat diatasi

melalui upacara-upacara seperti 'trance', 'ritual' yang menggunakan jampi, musik dan penyembahan-penyembahan.

"The cycle that the writer has attempted to delineate here through the analysis of Malay symbols and ideals about the universe has been between centrifugal and centripetal forces within a village and within a bilateral lineage group" (6).

Ekoran daripada penulisan-penulisan oleh sarjana-sarjana barat, ini mendapat reaksi pada masyarakat tempatan. Tokoh-tokoh tempatan lahir di dalam membincang mengenai hal perbomohan. Salah seorang tokoh tempatan yang banyak menulis tentang hal-hal perbomohan ini ialah Profesor Mohd. Taib Osman. Beliau mempunyai pendekatan yang tersendiri di dalam membincang mengenai hal ini. Satu pendekatan yang telah digunakan oleh beliau ialah Antropologi Budaya. Di dalam artikelnya - 'Kepercayaan Tradisional Dalam Sistem kepercayaan Melayu ditinjau dengan pendekatan Antropologi Budaya' (1978), beliau cuba melihat kepercayaan tradisional orang Melayu secara 'detached' iaitu bebas lepas daripada kongkongan budaya sendiri. Di dalam hal ini beliau telah cuba menunjukkan kepercayaan tradisional dalam hubungannya dengan sistem kepercayaan orang Melayu keseluruhannya dan juga struktur hubungan antara ciri-ciri kepercayaan itu dalam sistem kepercayaan yang

(6) David J. Banks - "Trance and Dance in Malaya : The Hindu-Buddhist Complex in Northwest Malay Folk Religion". Buffalo, New York 1976.

sama. Untuk tujuan ini beliau telah membentuk model-model struktural untuk menerangkan kedudukan kepercayaan tradisional Melayu dalam budaya dan masyarakatnya. Misalnya untuk menerangkan sistem kepercayaan orang Melayu, beliau menggunakan rajah tiga segi A, B, C. Sudut A dikatakannya ideal bagi ajaran ugama Islam, sudut B ideal kepercayaan tradisional dan sudut C ialah 'world-view' yang diterima daripada pengaruh peradaban barat. Ketiga-tiga sudut ini saling berinteraksi di dalam menghasilkan sistem kepercayaan orang Melayu. Institusi pawang dan bomoh ujud kerana adanya dorongan pragmatis menurut Taib Osman. Orang Melayu berkehendakkan bomoh dan pawang untuk meminta sesuatu seperti di dalam keadaan krisis, sakit dan sebagainya. Dengan sebab ini Taib Osman menganggap orang-orang yang menemui pawang dan bomoh sebagai hubungan 'specialist' dan pelanggan. Rumusan yang dapat dibuat di sini ialah Taib Osman cuba menunjukkan bahawa wujud organisasi dari segi struktur dalam 'world-view' orang Melayu terhadap teori dan perlakuan magis di kalangan mereka.

Sungguhpun boleh dikatakan bahawa tidak begitu ramai lagi tokoh-tokoh tempatan yang membincang mengenai hal perbomohan, tetapi apabila melihat soal ini diberi perhatian pada peringkat Universiti, kita tidak dapat nafikan kepentingan di dalam kehidupan orang Melayu. Bilangan penuntut semakin ramai yang menyelidiki tentang hal ini. Pada tahun 1951, Zainal Abidin bin Sulong telah menulis tentang "The Work of the bomoh in Kelantan". Di tahun 1967, Abdullah Taib membuat kajian "Kepercayaan masyarakat kampung terhadap perubatan moden dan tradisional", Rahmah Mohd. Noh melihat dari segi "Kepercayaan masyarakat kampung terhadap perubatan moden dan tradisional" (1967), Wan Hussain Wan Mustapha "Masyarakat kampung dengan

kepercayaan perubatan tradisional dan moden" (1967), Mat Yusof Kassim "Konsep hantu dalam masyarakat Melayu kampung" (1974), Ainon Daon 'Peranan bidan Melayu kampung' (1979) dan banyak lagi kajian-kajian yang telah dibuat.

Zainal Abidin Sulong - 'The Work of bomoh in Kelantan' telah melihat peranan yang dimainkan oleh bomoh dan memeriksa institusi bomoh dengan pemerhatian pada keadaan 'kerja' dan posisi bomoh di kalangan masyarakat. Kajian-kajian mengenai perbomohan ini juga dilakukan di Malaysia Timur. Abdillah Hassan "Kepercayaan-kepercayaan dan Ilmu Dukun di Kelompok Tson-Suo (suluh) daerah Sandakan" (1973/74) telah menekankan aspek-aspek kepercayaan dan ilmu kedukunan di kelompok yang dikaji. Ia juga cuba mengesahkan bagaimana unsur-unsur kepercayaan disalurkan kepada jenarasi muda yang begitu berkesan sekali sehingga hampir-hampir dapat mengawal bukan sahaja tingkah laku tetapi perlakuan setiap hari.

Pengkajian mengenai perubatan tradisional Melayu ini penting dari segi sumbangan pada perubatan di Malaysia. Menurut Dr. Paul Chen, di dalam artikelnya 'Perobatan Melayu Lama Dengan Cara Perobatan Cara Moden' (1975), menyatakan dari segi pandangan moden, penyelidikan perubatan Melayu lama boleh memberi sumbangan sekurang-kurangnya dua cara kepada amalan perubatan di Malaysia.

(1) Cara rawatan mengubat penyakit jiwa penting di kalangan masyarakat Melayu. Upacara-upacara orang Melayu seperti menjampi yang togoh atau dalam 'Main Puteri' orang-orang Kelantan boleh membuat se-

seorang Melayu sembah dari penyakit jiwa.

(2) Dengan mempelajari kepercayaan-kepercayaan tradisi secara umum, dan perubatan Melayu lama khususnya, ada kemungkinan pengenalan perubatan moden boleh diterima segi kebudayaan. Apa yang dimaksudkan oleh beliau di sini ialah penerimaan perubatan moden tidak bertentangan dengan kepercayaan-kepercayaan yang berakar umbi.

Tentang dasar penerimaan perubatan moden ini, para sarjana mempunyai pandangan mereka yang tersendiri. Robert J. Wolff (1965) melalui sebuah makalah tentang penerimaan perubatan moden di dalam masyarakat Melayu di luar bandar, membandingkan tradisi yang berbagai ragam di dalam kebudayaan Melayu itu dengan sebuah almari yang di dalamnya terdapat beranika ragam barang-barang. Beliau telah mengesyorkan bahawa jikalau perubatan moden hendak diterima sepenuhnya maka perlu bagi sesuatu masyarakat itu diperkenalkan atau dibiasakan bukan sahaja dengan peralatan baru dan teknik yang lebih berkesan, tetapi dengan cara pemikiran yang boleh menerima tentang penyakit, sebab musabab penyakit dan cara mengubat penyakit.

Bagi Paul C. Y. Chen (1969) yang juga membincangkan hal ini berpendapat bahawa terdapatnya masaalah di dalam penerimaan perubatan moden ialah dari segi kurangnya komunikasi kebudayaan antara ahli-ahli perubatan moden dan masyarakat Melayu luar bandar. Menurutnya ciri-ciri yang berbagai di dalam Kebudayaan orang Melayu di luar bandar membentuk 'pola-pola kebudayaan' yang teguh dan tidak berubah. Jadi selagi perubatan moden tidak diterima

sebagai sebahagian daripada 'pola-pola kebudayaan' tadi, maka selagi itu perubatan moden susah diresapkan di kalangan masyarakat Melayu. Tetapi apa yang nyata di sini, pada hari ini kita dapat melihat bahawa perubatan moden telah diterima oleh masyarakat Melayu. Masaalah yang timbul di sini ialah memperkenalkannya dengan cepat dan berkesan adalah satu masaalah yang tidak dapat dinafikan (7).

Setelah melihatkan berbagai-bagai pendekatan yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji di dalam penguraian mereka mengenai sistem kepercayaan dan perbomohan tradisional Melayu, pengkaji di sini tidak bertujuan untuk mengulangi mengkaji perkara-perkara yang dilakukan mereka ini. Sebaliknya untuk menambahkan lagi pengetahuan tentang skop perbomohan ini, pengkaji ingin melihat aspek lain pula misalnya hal seperti mimpi.

Tidak dapat dinafikan bahawa memang terdapat kajian-kajian mengenai mimpi ini oleh sarjana-sarjana barat tetapi pendekatan yang digunakan banyak berupa kajian Psikologi. Di Malaysia terdapat satu kajian yang yang dibuat mengenai mimpi di kalangan orang asli puak Senoi - Kilton Stewart "Dream theory in Malaya" pada tahun 1935 telah membincang mengenai peranan mimpi di kalangan satu puak orang Senoi. Tetapi pendekatan yang digunakan oleh beliau ialah dari segi hubungan sosial. Stewart telah

(7) Prof. Mohd. Taib Osman - Perbomohan: Satu aspek world-view dalam kebudayaan Melayu. Disunting Dr. Zainal Kling di dalam 'Masyarakat Melayu antara tradisi dan perubahan'. Kuala Lumpur 1977  
Hal - 12

menemui bahawa kestabilan intergrasi di kalangan masyarakat Senoi ini ialah melalui satu sistem Psikologi yang ditemui iaitu mimpi.

#### LATAR BELAKANG DAN TARIKH PENGETAHUAN

Di sini dapat dilihat betapa penting peranan mimpi. Tetapi bukanlah tujuan pengkaji untuk cuba menghuraikan mimpi dari pendekatan sarjana-sarjana ini. Apa yang akan pengkaji lakukan ialah mengurai sedikit sebanyak mengenai mimpi dan cuba melihat kepentingan mimpi itu dalam sistem perbomohan.

bilangan tujuh orang ini, terdapat lima orang berbangsa Melayu, seorang berbangsa Tionghoa dan seorang berbangsa Thai. Dari bilangan yang telah dinyatakan tadi, pengkaji telah membuat lima orang bouch (baiki) dan dua orang biden (seorang). Kepada para responden yang akan pengkaji gunakan di dalam penelitian seterusnya adalah makna-makna sendiri. Ini adalah untuk mengetahui minat para responden. Pengkaji di sini telah masukkan juga istilah di dalam katagori bouch. Ini sejalan dengan bahasa di dalam penelitian, pengkaji mendapati biden bukan sahaja terhad percasannya kepada rovers-fenomena kaisiran bayi. Dalam konteks kajian ini, biden juga berlakar di dalam pengubatan berbagai-bagai jenis penyakit. Mak Jan (seorang biden) upamanya, selain daripada menjadi biden, beliau juga mengubati orang yang disorok hantu, serta mengubati orang yang patah keki tangan. Ini sama halnya dengan para bouch. Mak Nai, bouch Thai juga mengurutkan tentang hal-hal kaisiran bayi.

Fokus pengkaji adalah lebih kepada bouch-bouch Melayu. Ini memandangkan kepada bilangan responden yang ciri khas dari bouch Melayu. Banyak-banyak dari bangsa lain diambil dengan telus untuk dijadikan sebagai perbandingan.

BAB IIILATAR BELAKANG DAN TAFSIRAN PERSEKITARAN (WORLD VIEW)A. LATAR BELAKANG UMUM

Di dalam membuat kajian, pengkaji telah menebual seramai tujuh orang responden. Daripada bilangan tujuh orang ini, terdapat lima orang berbangsa Melayu, seorang berbangsa Tionghoa dan seorang lagi berbangsa Thai. Dari bilangan yang telah dinyatakan tadi, pengkaji telah menebual lima orang bomoh (lelaki) dan dua orang bidan (perempuan). Nama-nama responden yang akan pengkaji gunakan di dalam perbincangan seterusnya adalah nama-nama samaran. Ini adalah untuk menjaga identiti para responden. Pengkaji di sini telah memasukkan juga bidan di dalam kategori bomoh. Ini memandangkan bahawa di dalam pengkajian, pengkaji mendapati bidan bukan sahaja terhad peranannya kepada fenomena-fenomena kelahiran bayi. Dalam kontek kajian ini, bidan juga terlibat di dalam pengubatan berbagai-bagai jenis penyakit. Mak Jah (seorang bidan) umpamanya, selain daripada menjadi bidan, beliau juga mengubati orang yang dirasuk hantu, serta mengubati orang yang patah kaki tangan. Ini sama halnya dengan para bomoh. Wak Mat, bomoh Thai juga menguruskan tentang hal-hal kelahiran bayi.

Fokus pengkaji adalah lebih kepada bomoh-bomoh Melayu. Ini memandangkan kepada bilangan responden yang ramai terdiri dari bomoh Melayu. Bomoh-bomoh dari bangsa lain diambil dengan tujuan untuk dijadikan sebagai perbandingan.

Kesemua responden-responden yang ditemui berada di dalam lingkungan umur empat puluhan hingga sembilan puluhan. Semua responden-responden ini telah berumahtangga. Mereka ini memasuki lapangan perubatan di dalam usia yang muda. 'Mahaguru' umpamanya menjadi bomoh sewaktu berumur tiga belas tahun. Mak Teh menjadi bidan semasa masih gadis lagi iaitu di dalam lingkungan umur belasan tahun. Mak Jah pula memasuki profesi bidan di dalam umur dua puluh dua tahun. Bomoh yang berbangsa Tionghoa mula mencapai taraf bomoh semasa berumur tujuh belas tahun. Bagi bomoh yang berbangsa Thai, beliau mula belajar mengenai hal-hal perbomohan sewaktu masih bujang iaitu menurut beliau awal umur dua puluhan. Wak Mat mempunyai pengalaman tiga puluh tahun di dalam bidang perbomohan. Di dalam hal ini, cuma Haji Salleh yang agak lambat memasuki bidang bomoh. Beliau mula menjadi bomoh sewaktu berumur awal empat puluhan. Tetapi sekarang beliau telah berumur enam puluh dua tahun. Di sini dapat dilihat bomoh-bomoh yang telah dikaji mempunyai pengalaman yang lama dibidang perbomohan.

Perlu dinyatakan di sini, daripada tujuh orang responden yang dikaji, bukan semua daripada mereka yang bekerja sepenuh masa sebagai bomoh. Daripada tujuh orang ini, hanya empat orang sahaja yang menjadikan perbomohan sebagai kerjaya (profession) mereka. Mengenai pendidikan bomoh-bomoh ini, tiap-tiap seorang mempunyai taraf pelajaran yang berbeda. Wak Mat mempunyai pendidikan ugama Islam sahaja. Beliau diasuh di surau, masjid oleh guru-guru ugama. Mak Jah dan Mak Teh tidak mempunyai pendidikan sekolah kerajaan. Mereka diasuh melakukan kerja-kerja yang dianggap sebagai kerja perempuan iaitu menguruskan hal rumah tangga. 'Mahaguru' pula mempunyai pendidikan setakat sekolah rendah Melayu. Bagi bomoh yang berbangsa Thai,

beliau mengakui tidak memasuki sekolah. Haji Salleh mempunyai pendidikan di sekolah Melayu kemudian memasuki Institiut Pertanian di Serdang, Selangor.

Di sini elok jika kita melihat bagaimana bomoh-bomoh yang telah disebutkan tadi menyesuaikan pekerjaan mereka sebagai bomoh dengan pekerjaan-pekerjaan lain. Pertamanya 'Mahaguru', selain daripada menjadi bomoh, beliau adalah seorang guru silat serta seorang pesawah padi. Beliau membahagikan masanya dengan menghadkan hari-hari perubatan pada hari-hari Jumaat dan Selasa. Pada waktu-waktu ini, beliau akan berada di rumah sepanjang masa (1). Pada hari-hari ini juga kerja bersawah diambil alih oleh isteri-isterinya yang tiga orang. Mak Jah begitu juga beliau selain menjadi seorang suri rumah juga bersawah padi. Pada sebelah pagi hingga ke petang, beliau menjalankan tugasnya sebagai seorang suri rumah dan bekerja di sawah. Jadi beliau mempunyai masa untuk pesakitnya pada sebelah malam. Tetapi jika ada kes-kes kecemasan seperti kelahiran bayi, kamalangan, beliau tidak menghadkan masa yang tertentu. Responden yang ketiga adalah seorang pegawai kerajaan. Jadi pesakit-pesakit hanya boleh datang di waktu lepas kerja iaitu selepas 4.00 petang.

Bagi empat orang lagi responden, masaalah membahagikan masa di antara kerja sebagai bomoh dan kerja-kerja sampingan tidak timbul. Ini adalah kerana perbomohan telah menjadi satu mata pencarian hidup yang asasi bagi mereka. Sepenuh masa ditumpukan kearah kerja ini. Wak Mat dan bomoh

(1) Sila lihat lampiran 2, gambar 2 dan 3

berbangsa Tionghoa membuka kedai ubat mereka sendiri di bandar Alor Star (2). Pesakit-pesakit boleh berurusan dengan mereka dari pukul 9.00 pagi hingga lebih kurang pukul 5.00 petang. Mak Teh pula seorang suri rumah dan beliau boleh dikatakan berada di rumah sepanjang masa. Untuk berjumpa dengannya, pesakit-pesakit hanya perlu mengunjungi ke rumahnya. Bomoh berbangsa Thai pula adalah seorang yang telah tua iaitu di dalam lingkungan umur lapan puluhan. Beliau sudah tidak pergi kemana-mana lagi. Beliau hanya menunggu pelanggannya sepanjang hari. Kerja-kerja lain seperti bercucuk tanam, membelah kayu api dan melakukan kerja-kerja rumah dilakukan oleh anak-anak dan isterinya.

#### B. BAGAIMANA MEMPEROLEHI ILMU PERBOMOHAN

Menurut Endicott di dalam bukunya "An Analysis of Malay Magic", ilmu membawa maksud 'knowledge' atau 'science'. Untuk menjadi seorang bomoh, seseorang itu mestilah memperolehi ilmu. Terdapat beberapa cara untuk memperolehi ilmu ini. Endicott di dalam membincang mengenai ilmu telah merumuskan bahawa "Ilmu can be acquired through two kinds of transmission: learning from unrelated magicians and learning from relatives, either living or dead. In the former case a night to use ilmu must be established by ceremony; in the latter it is inherited" (3).

(2) Sila lihat lampiran 2, gambar 1

(3) Kirk Michael Endicott - An Analysis of Malay Magic. Clarendon Press, Oxford 1970. Hal - 18.

Dari data-data yang diperolehi oleh pengkaji, bomoh ini dapat dibahagikan kepada dua golongan :-

(1) Memperolehi ilmu melalui menuntut. Daripada tujuh orang responden yang dikaji, tiga orang daripadanya mengaku mendapatkannya berbaik secara menuntut atau belajar.

(2) Memperolehi ilmu melalui warisan atau keturunan. Menurut David J. Banks keturunan atau 'hereditary' ini ialah 'passing from previous to present generation through all lines' (4). Di dalam kategori ini, ilmu perbomohan diperturunkan dari satu jenerasi ke lain jenerasi kemudiannya. Terdapat empat orang responden yang berada di bawah kategori memperolehi ilmu melalui keturunan.

Daripada dua golongan ini, boleh dipecahkan lagi kepada beberapa kategori lagi. Mula-mula sekali kita tinjau ilmu yang diperolehi melalui menuntut. Tuntut yang dimaksudkan di sini ialah dengan mempelajari dari 'Tok Guru' (bomoh) ataupun amal ibadat yang tertentu. Dari data-data pengkaji, mereka-mereka yang menuntut melalui 'Tok Guru' adalah terdiri dari yang terlibat di dalam perubatan jenis akar kayu. 'Penolong' (5) tidak diperlukan di dalam perubatan jenis ini. Yang lebih penting atau dititik beratkan adalah teknik menggunakan bahan-bahan dari akar kayu.

(4) David J. Banks - Trance and Dance in Malaya, The Hindu-Buddhist Complex in Northwest Malay Folk Religion. New York 1976. Hal - 8

(5) Penolong - makhluk ghaib yang menolong bomoh di dalam perubatan misalnya jin islam dan sebagainya.

Responden pertama di dalam kategori ini ialah seorang yang berbangsa Melayu. Menurut beliau, untuk menjadi bomoh yang pakar di dalam hal-hal akar kayu, seseorang itu mestilah mempelajari mengenal jenis-jenis pokok dan daunnya. Untuk tujuan ini, beliau telah belajar dengan beberapa orang guru. Seorang lagi bomoh yang menggunakan akar kayu ialah seorang yang berbangsa Tionghoa. Beliau ini mula mempelajari tentang ilmu perbomohan sejak berumur tujuh belas tahun. Beliau mempelajari ilmu ini daripada bapanya yang juga seorang bomoh. Berbeza dengan bomoh yang berbangsa Melayu tadi, walaupun bomoh Tionghoa ini tinggal di Malaysia, beliau menggunakan semua akar kayu dari negeri Cina. Selain daripada ilmu yang diperolehi dari bapanya, beliau juga membaca teknik perubatan dari negeri lain seperti Jepun. Seterusnya beliau membuat perbandingan diantara perubatannya dan perubatan luar negeri. Mana-mana teknik perubatan yang dirasakannya baik, beliau akan gunakan di dalam pengubatannya.

Seorang lagi bomoh berbangsa Thai juga terlibat di dalam mempelajari ilmu perubatan ini dari empat orang guru. Menurutnya ke empat-empat orang gurunya ini pakar di dalam pengubatan akar kayu. Teknik ke empat-empat orang gurunya ini menurut beliau adalah berbeza. Jadi beliau hanya akan memilih teknik yang dirasanya paling baik untuk perubatannya.

Dari sini, bomoh-bomoh yang menuntut lebih merupakan mereka yang terlibat di dalam penggunaan akar kayu. Walaupun ketiga-tiga bomoh ini terdiri dari bangsa yang berlainan, tetapi pada asasnya pembelajaran mereka adalah lebih kurang sama iaitu menuntut melalui guru.

Kategori kedua daripada bomoh menuntut ini ialah yang mempraktikkan amal ibadat. Menurut seorang responden yang menggunakan cara ini, ilmu yang diperolehi oleh beliau adalah melalui ilham. Ilham ini dikurniakan oleh Allah S.W.T.. Ilham atau ilmu perubatan ini dikurniakan pada seseorang itu adalah disebabkan oleh berkat (6) amal ibadatnya. Setelah sekian lama beramal ibadat dengan penuh tekun dan sabar maka datang pertolongan ghaib yang diistilahkan sebagai 'Ahli-Khutub' (7). Dengan memperbanyakkan amal ibadat Islamnya, seseorang itu telah memperdekatkan dirinya pada 'Ahli-Khutub' yang berperanan menolong bomoh di dalam perubatannya.

Menurut pandangan responden ini lagi, ada satu jenis ilham yang diistilahkan oleh beliau sebagai 'Singgah'. Ilham ini hanya bersifat semestara sahaja atau terhad di dalam jangka waktu yang tertentu sahaja. Misalnya seseorang itu memperolehi kebolehan mengubati di dalam jangka waktu tiga bulan sahaja. Roh-roh yang berkebolehan di dalam mengubati seperti wali-wali Allah dan jin Islam akan meresapi ke dalam tubuh orang yang berkenaan dan akan memimpinnya di dalam mengubati pesakit. Apabila orang yang berkenaan menerima ilham, ia dengan secara otomatis menjadi pandai di dalam hal pengubatan. Selepas habis tempohnya iaitu apabila roh-roh wali Allah atau jin Islam meninggalkannya, maka orang tadi akan menjadi seperti biasa semula. Tetapi jika orang yang berkenaan sedar akan ilmu yang dikurniakan

(6) Berkat - Untuk keterangan lanjut, sila lihat hal mengenai berkat.

(7) Ahli Khutub - sejenis malaikat yang diutuskan oleh Allah S.W.T. untuk menolong bomoh di dalam pengubatannya.

kepadanya itu dan cuba mempelajarinya dengan lebih mendalam serta mengamalkannya, maka ilmu itu mungkin kekal diperolehinya.

Golongan kedua yang akan dibincangkan pula di sini adalah mereka yang mempelajari ilmu melalui warisan.<sup>(5)</sup> Daripada golongan ini, boleh dipecahkan lagi kepada dua kategori :- kesedian ia 'turun-nenek' (i). Beliau kesedianya telah mengubat saiknya yang sedang sakit. Bukan daripada kesedian ini, pada i) Mereka yang menjadi bomoh secara tidak disedari dan ilmu serba perbomohan diperturunkan kepada mereka oleh orang yang sudah mati. ubatan. Peringkat-peringkat antaranya berasaskan sebab-sababkan lagi. Ibu beliau di ii) Mereka yang memperolehi ilmu perbomohan dari keluarga untuk yang masih hidup lagi. Bomoh tersebut, beliau telah pergi ke sejatah tempat di Malaysia. Kini dia telah tinggal di Perak selama

Bagi kategori pertama, bomoh tadi tidak berniat untuk menjadi bomoh tetapi disebabkan mereka mempunyai darah keturunan bomoh, maka ia harus diperturunkan oleh jenerasi sebelumnya. Ini jelas di dalam kes seorang responden iaitu 'Mahaguru'. Beliau mempunyai latar belakang dari keluarga bomoh dan datok sebelah ibu ialah seorang pawang. Kedua-dua datoknya ini tidak mempunyai anak lelaki dan 'Mahaguru' merupakan seorang sahaja cucu lelaki. Jadi mungkin disebabkan oleh ini, beliau telah di perwariskan oleh datok-datoknya ilmu perubatan.

Fenomena ini secara am agak jelas di dalam masyarakat Melayu di mana ilmu perbomohan bapa akan diperturunkan pada jenerasi lelaki selepasnya dan ilmu perbomohan ibu akan diwarisi oleh anak perempuan. Dua orang responden pengkaji yang terdiri dari dua orang wanita melapurkan bahawa

(5) Turun-nenek - Kesedian tidak sadarkan diri disebabkan sedan dirasapi oleh zoh datuk nenek.

emak dan nenek mereka adalah bidan. Jadi di sini ilmu perbidanan telah diperturunkan dari emak kepada anak perempuannya.

Menurut 'Mahaguru', peristiwa yang menyebabkan beliau menjadi bomoh adalah kerana adiknya sakit. Pada suatu malam sewaktu beliau tidur, ia telah tidak sedarkan diri, kemudian ia 'turun-nenek' (8). Beliau kemudian-nya telah mengubat adiknya yang sedang sakit. Ekoran daripada peristiwa ini, pada malam-malam Jumaat dan Selasa, seorang tua yang memakai baju serba putih akan datang ke dalam mimpiya dan mengajar beliau ilmu perubatan. Peringkat-peringkat seterusnya beliau telah menambahkan lagi ilmu beliau dengan menuntut daripada bomoh-bomoh lainnya. Menurutnya lagi, untuk berguru dengan bomoh-bomoh tersebut, beliau telah pergi ke merata-rata tempat di Malaysia. Misalnya beliau telah tinggal di Perak selama empat tahun untuk belajar ilmu perubatan.

Keadaan yang sama dialami oleh Mak Jah di mana beliau tidak mempelajari ilmu perbidanan. Menurutnya ia tidak ada niat langsung untuk menjadi bomoh atau bidan. Berlainan sedikit dengan 'Mahaguru', apa yang dialami oleh Mak Jah ialah beliau sendiri yang mengalami sakit terok. Di dalam keadaan sakit inilah terjadi proses penurunan ilmu perbomohan khususnya ilmu perbidanan terhadap dirinya. Keadaan penurunan ini terjadi berperingkat-peringkat. Di dalam mimpiya, telah datang seorang perempuan tua.

(8) Turun-nenek - Keadaan tidak sedarkan diri disebabkan badan diresapi oleh roh datok nenek.

Kedatangan perempuan tua ini pada peringkat awalnya adalah sebanyak empat kali. Hanya pada kali ketiga baru perempuan tua ini mengenalkan dirinya sambil mengilik 'bakul pengkeras' (9). Pada kali ke empat, Mak Jah telah bermimpi mengubati orang yang sakit. Dengan penyerahan 'bakul pengkeras' oleh perempuan tua tadi kepada Mak Jah, ini menandakan yang Mak Jah telah diiktiraf sebagai bomoh terutamanya di dalam hal-hal perbidanan.

Kategori kedua dari penerimaan ilmu melalui keturunan ialah ilmu yang diperturunkan oleh keturunan yang masih hidup lagi. Selalunya datok atau bapa akan menurunkan ilmunya kepada jenerasi selepasnya sebelum mereka meninggal dunia. Menurut seorang responden yang melalui cara ini, beliau mempelajari segala ilmu perbidanan melalui emaknya seperti jampi dan penjagaan ibu dan anak selepas bersalin. Walaubagaimanapun, Mak Teh ini tidaklah menjadi bidan di dalam erti kata bertanggungjawab di dalam 'melahirkan' bayi. Beliau lebih terlibat di dalam penjagaan ibu yang bersalin dan bayi. Walaubagaimanapun di waktu-waktu kecemasan di mana jika bidan lambat datang atau keadaan kecemasan beliaulah yang menjadi bidannya. Di dalam pengubatannya, Mak Teh menggunakan jampi-jampi yang terdiri dari ayat-ayat Quran dan juga jampi-jampi dari perkataan Melayu. Menurutnya lagi segala doa-doa ini diperolehi oleh seseorang bidan melalui mimpi. Mak Teh sendiri mengalami mimpi iaitu seorang tua datang di dalam mimpi dan mengajar cara-cara untuk mengubat seseorang.

(9) Bakul pengkeras - Untuk keterangan lanjut sila lihat hal mengenai 'Bakul Pengkeras'.

Di sini 'penolong' lebih banyak nampaknya digunakan di dalam kes-kes bomoh yang turun temurun. 'Penolong' yang datang di dalam mimpi tadi ber-kemungkinan roh-roh datok-nenek kepada bomoh-bomoh tadi yang pada satu masa asalnya adalah bomoh juga. Seperti kata Endicott, "It is likely, furthermore, that the 'dream guru-spirit helper' is the ghost of one of a person's magician ancestors". (10)

Makhluk-makhluk ghaib seperti yang dimimpikan oleh Mak Jah dan Mahaguru adalah merupakan kuasa luar biasa yang menolong di dalam pengubatan.

Tetapi bagi kes Mak Teh pula, sungguhpun beliau seorang bidan yang turun temurun tetapi beliau mendakwa bahawa beliau tidak menggunakan 'penolong' di dalam pengubatannya. Ini mungkin kerana penglibatan Mak Teh hanya pada keadaan-keadaan yang tertentu sahaja, seperti penjagaan ibu atau anak sahaja selepas bersalin. Walhal bagi Mahaguru dan Mak Jah terlibat dalam berbagai penyakit, iaitu dari sakit biasa seperti sakit mata, pening kepala, patah anggota badan hingga ke kes-kes yang lebih berat lagi, iaitu dirasuk hantu dan sebagainya. Sungguhpun begitu, 'penolong' tidak semestinya diperolehi oleh bomoh turun temurun sahaja. Seseorang bomoh yang belajar juga boleh memperolehi 'penolong' iaitu melalui menuntut. Menurut seorang responden yang memberi pendapat dari sudut pandangan Islam, seseorang boleh menerima 'penolong' melalui amal ibadatnya. Setelah sekian lama beramal ibadat dengan penuh tekun dan sabar ajaran-ajaran Islam, seseorang

(10) Kirk Michael Endicott - Op. cit. - hal 17

itu akan didatangi oleh pertolongan ghaib. Pertolongan ghaib ini menurut Haji Salleh adalah 'Ahli Khutub'. Fungsi atau peranan 'Ahli Khutub' ini berlainan dengan 'penolong' biasa yang telah disebutkan tadi. 'Penolong' biasa ini secara kasar dapat dikatakan boleh dibuat 'orang suruhan' bagi bomoh. Tetapi 'Ahli Khutub' memberi pertolongan dalam erti kata yang agak berlainan dengan 'penolong' biasa. 'Ahli Khutub' lebih bersifat menasihati atau memberitahu perkara-perkara yang di luar kemampuan manusia untuk berfikir. Di lain perkataan 'Ahli Khutub' memberitahu tentang perkara-perkara ghaib.

Kategori yang kedua adalah terdiri dari mereka-mereka yang tidak menggunakan 'penolong'. Seramai empat orang responden yang tidak menggunakan 'penolong' di dalam pengubatan mereka. Selain daripada Mak Jah yang telah dibincangkan tadi, Wak Mat, bomoh Thai dan seorang bomoh berbangsa Tionghoa juga tidak menggunakan 'penolong'. Wak Mat merupakan seorang pakar di dalam ubat-ubat daripada akar kayu. Beliau lebih banyak bergantung kepada campuran-campuran akar-akar kayu. Beliau menggunakan sedikit sahaja jampi-jampi bagi penyakit yang tertentu seperti barah, kayap dan batu karang. Bomoh Thai dan bomoh Tionghoa merupakan bomoh akar kayu. Di sini apa yang lebih penting ialah terletak pada teknik pengubatan mereka. Pergantungan mereka adalah kepada kecekapan mencampur berbagai-bagi akar kayu. Jadi di sini jenis pengubatan yang memainkan peranan penting di dalam menentukan samaada seseorang itu memerlukan pada 'penolong' atau tidak.

Untuk menerangkan lagi penjelasan mengenai cara-cara memperolehi

ilmu, pengkaji rasa perlu penguraian lanjut mengenai dua perkara. Yang pertamanya adalah konsep 'berkat' dan keduanya 'Bakul Pengkeras'. Dua perkara ini perlu diberi penguraian kerana perkara-perkara ini merupakan sebahagian daripada inti-pati perbincangan mengenai cara bomoh memperolehi ilmu.

#### KONSEP BERKAT

Kalau mengikut Kamus Dewan (11) berkat adalah, rahmat, restu. Dari Kamus Lengkap, berkat adalah "blessing, pity, as a result, as a consequence; good, fortunate, blessed" (12). Jadi berkat di dalam kontek kajian ini ialah pemberian istimewa Allah S.W.T. kepada makhluknya akibat daripada amal ibadatnya. Juga di sini menunjukkan permintaannya telah dimakhbulkan oleh Allah S.W.T. Tanpa adanya berkat, seseorang itu tidak boleh menjadi bomoh.

Menurut pandangan responden pengkaji, berkat itu boleh diperolehi dari dua cara :-

(1) Melalui pemberian tuhan.

(2) Bergantung kepada corak hidup seseorang itu.

(11) Dr. Teuku Iskandar - Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur 1970.

(12) Drs. Awang Sudjai Hairol dan Yusof Khan - Kamus Lengkap, Pustaka Zaman 1977.

Yang pertamanya, berkat melalui pemberian tuhan ialah seseorang yang inginkan berkat mestilah sentiasa berdoa kepada tuhan meminta hidupnya di-berkati oleh tuhan. Dengan sebab ini, wali-wali tuhan kebanyakannya adalah bomoh. Ini adalah kerana hidup mereka adalah berkat dan segala permintaannya dikhabolkan oleh tuhan. Wali-wali adalah orang-orang yang mempunyai taraf yang tinggi di sisi tuhan. Melalui amalan-amalan dan doa-doaa kepada tuhan hidup mereka diberkati oleh tuhan.

Yang kedua pula bergantung kepada corak kehidupan seseorang itu. Ini bermakna seseorang itu pandai mengatur ekonomi rumah tangganya serta kehidupan amnya. Ia tidak boros tidak tentu hala, dan tidak pula kedekut. Di samping bekerja dan menjaga ekonomi hidupnya, ia juga mestilah berdoa supaya ia akan diberkati oleh tuhan. Dengan ini, seseorang itu akan mendapat kehidupan yang aman dan sentosa selalu. Segala-gala yang dilakukannya itu akan memberi manfaat atau kebaikan pada dirinya sendiri dan juga kepada orang lain.

#### BAKUL PENGKERAS

Bakul Pengkeras merupakan sebuah bakul yang dianyam seperti tikar dan di dalamnya ditaruh barang-barang seperti kelapa sebiji, sedikit beras, wang pengkeras 25 sen dan lain-lain lagi. Bakul Pengkeras merupakan bayaran asas kepada bidan. Pelanggan atau pesakit bidan boleh menambah barang-barang lain jika mereka mahu sebagai tanda penghargaan seperti kain baju dan sebagainya. Penerangan lanjut mengenai 'Bakul Pengkeras' boleh didapati di dalam Bab V di bawah tajuk 'Bayaran'.

C. SISTEM KEPERCAYAAN DAN TAFSIRAN PERSEKITARAN (WORLD VIEW)

Menurut Profesor Taib Osman di dalam sebuah artikelnya di dalam 'New Straits Times' (April 1, 1975), "To understand the institution of bomoh and the practice of traditional Malay medicine, we have to look at them as part of the total belief - system of the Malays". Menurutnya lagi, asas kepada 'world-view' berkenaan dengan penyakit dan pengubatannya berpunca daripada kepercayaan bahawa terdapatnya gangguan 'supernatural' terhadap kehidupan manusia.

Untuk tujuan di atas, kita haruslah terlebih dahulu menyorot kebelakang dan melihat perjalanan sejarah yang memberi asas kepada kepercayaan-kepercayaan ini. Adalah menjadi satu tugas yang rumit untuk menyusun sistem-sistem kepercayaan orang-orang Melayu kepada bahagian-bahagian yang tertentu. Ini adalah pertamanya kerana penduduk Malaysia yang terdiri dari berbagai bangsa dan ugama. Kemasukkan berbagai-bagai pengaruh seperti dari tamadun India, Arab dan kawasan-kawasan sekitar seperti Siam dan kepulauan Indonesia telah membangkitkan satu sistem kepercayaan yang bercampur aduk. Pengaruh-pengaruh daripada luar ini telah bergembeling dengan kepercayaan tempatan dan menimbulkan sistem kepercayaan yang ada hari ini. Dari pada tamadun India yang mempengaruhi Semenanjung Tanah Melayu orang Melayu mungkin mempelajari tentang penggunaan setengah-setengah bahan di dalam pengubatan seperti sireh dan kuasa-kuasa mistik seperti 'Betara Guru', 'Laksamana' atau 'Seri Rama' yang ada hubungannya dengan mentera, jampi atau serapah. Dan dari pada tamadun Islam umpamanya, orang Melayu memperolehi ilmu tentang perubatan yang menggunakan seperti tanda-tanda panas dan sejok dan jampi-jampi.

dari pada Quran (13). Sebagai kesimpulannya seperti kata Profesor Taib Osman,

"In short, the medical world-view of the Malays as reflected in the different vocations of the medical practitioners is one that has been built up through the course of their history from diverse cultures". (14)

Tetapi di sini bukanlah tujuan pengkaji untuk memeriksa satu persatu kepercayaan-kepercayaan dan membincangkannya secara lengkap. Pengkaji hanyalah membuat analisa-analisa tentang konsep kepercayaan. Ianya berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat oleh pengkaji sendiri. Disebabkan bidang kajian pengkaji bergolak kepada beberapa bahagian yang khusus, maka perbincangan hanyalah terhad pada perkara-perkara yang tertentu sahaja.

#### (i) KOMPONEN MANUSIA

Tiap-tiap bomoh mempunyai pandangan yang tersendiri tentang komponen badan seseorang manusia. Berdasarkan kepada pandangan mereka inilah, perubatan diolah supaya dapat disesuaikan dengan keadaan badan seseorang manusia itu. Misalnya bomoh yang terlibat

(13) Mohd. Taib Osman - 'The Bomoh's Role in Rural Society' - New Straits Time, 1975 (April 1).

(14) Ibid

di dalam pengubatan batiniah (15) ataupun yang mempunyai hubungan dengan kuasa luar biasa, beliau akan menumpukan perhatian pada komponen-komponen manusia dari segi roh, jasad dan rohani.

Bagi seorang yang mengubat penyakit patah pula, komponen manusia dilihat dari segi bilangan tulang yang terdapat di dalam badan manusia, panjang pendeknya serta kedudukan tulang itu serta urat saraf. Bomoh yang memusatkan pada penggunaan akar kayu pula akan memilih elemen badan seseorang itu yang dikatakan terdiri dari elemen-elemen tanah, air, api dan angin. Akar-akar kayu yang digunakan adalah supaya seimbang dengan keempat-empat elemen tadi.

Pertama sekali, kita lihat penerangan bomoh yang mengubati dari segi batiniah. Bomoh ini memberi penerangan mengenai komponen manusia dari sudut pandangan Islam. Menurut Haji Salleh, seorang manusia mempunyai tiga elemen yang asas iaitu roh, jasad dan rohani. Rohani merupakan perantaraan atau orang tengah di antara roh dan jasad. Seseorang manusia yang hidup di dunia ini adalah berlandaskan kepada tiga aliran yang telah disebutkan tadi. Rohani merupakan

- (15) Batiniah - "'ritualistic' termasuk jampi-jampi, mentera, menurun (trance state), main puteri (cara pengobatan penyakit jiwa orang Kelantan) dan lain-lain cara batiniah".  
 Paul C.Y. Chen - Perubatan Melayu dengan cara Perobatan Cara Modern, Disunting oleh Prof. Mohd Taib Osman di dalam Tradisi Lisan di Malaysia. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia 1975.
- (16)

elemen yang penting di dalam keujudan seseorang manusia. Yang membedakan manusia dengan binatang ialah segi rohani di mana manusia mempunyai rohani dan binatang tidak mempunyai rohani. Apa yang dikatakan rohani adalah keseluruhan seperti akal, jiwa, hawa nafsu, perasaan dan perbuatan-perbuatan lain yang datangnya adalah daripada naluri rohani. Roh sebaliknya berada di dalam badan seseorang manusia sentiasa dan merupakan nyawa manusia. Apabila seseorang itu mati, nyawa yang akan keluar dari badan dan rohani yang merupakan amalan-amalannya di dunia akan turut bersama-sama. Jasad merupakan anggota luaran manusia sahaja seperti kepala, badan, kaki dan tangan. Semasa seseorang itu hidup, rohani boleh masuk keluar badan seseorang manusia. Rohani merupakan satu aliran yang mempengaruhi dan boleh mempengaruhi.

#### CARA ROHANI BERGERAK

Pokok yang penting di dalam rohani ialah jiwa. Kalau jiwa seseorang itu bersih, ia akan bertindak secara tenang, dan rasional. Kalau jiwa seseorang itu kotor (16), ia akan bertindak di sebaliknya.

Elemen-elemen yang penting di dalam rohani ialah tiga aliran iaitu akal, hati dan jiwa. Kedudukan akal ini ialah suluhan cahaya yang dikurniakan pada setiap manusia. Cahaya ini yang dinamakan di

---

(16) Kotor - dicirikan oleh sifat-sifat seperti tamak haloba, hasad dengki dan lain-lain sifat yang dikeji.

dalam bahasa Arabnya 'Noor'. Akal merupakan lampu yang tidak ada 'current' tetapi ia mempunyai kekuatan tenaga yang lebih daripada lain-lain di dunia ini. Kaedah jiwa atau simbolik jiwa adalah seperti cermin. Jiwa akan mendapat suluhan daripada akal. Jiwa merupakan cermin perantaraan di antara akal dan hati. Kerana itu akal hanya dapat bertindak pada jiwa yang bersih. Bila jiwa seseorang itu kotor, maka pancaran daripada akal tadi tidak dapat sampai ke hati dan akibatnya tindakan yang dilakukan bukanlah berdasarkan pada akal tetapi sebaliknya didasarkan pada hawa nafsu.

Di sini Rohani bukanlah sesuatu yang boleh dilihat dengan mata kasar tetapi ia boleh dikesan. Cara untuk mengesannya ialah dengan melihat perkara-perkara yang terdapat pada diri seseorang manusia itu seperti perasaannya, sifat hawa nafsu yang terdapat pada akal fikirannya.

Dengan sebab ini juga dikatakan manusia itu mempunyai dua mata iaitu mata luaran yang terdapat pada jasmani dan juga mata dalaman yang terdapat pada Rohani. Mengikut Haji Salleh, seseorang yang dikurniakan darjat yang tinggi di segi amalannya dapat mengetahui samaada seseorang itu berbohong atau tidak. Ini dilakukan dengan cara, seseorang bomoh yang mempunyai darjat yang tinggi di sisi tuhan berbicara dengan diri sebenar seseorang itu iaitu rohaninya dan bukan dengan jasmaninya sahaja.

Yang keduanya pula ialah pandangan bomoh yang pakar di dalam

hal-hal patah. Padanya manusia dilihat secara fisikal tubuh badan. Secara lengkas, seseorang manusia dikatakan mempunyai satu tulang lengan dan dua tulang betis. Menurut 'Mahaguru' lagi, bahagian badan yang paling senang patah ialah bahagian tulang yang tidak mempunyai sendi. Ini termasuklah seperti tulang-tulang lengan dan peha sebab tulang-tulang ini hanya satu bilangannya. Tulang-tulang sendi sebaliknya agak susah untuk patah seperti sendi-sendi siku, cabang peha, lutut dan buku lali.

Seterusnya bomoh akar kayu (Wak Mat) memberikan pandangan yang tersendiri mengenai komponen badan manusia. Menurut katanya, manusia mempunyai 1,993 jenis urat, 360 belah tulang, 6,004,000 helai bulu-bulu di badan. Perut manusia berukuran dua puluh empat kaki panjang serta tinggi seseorang manusia ialah lapan jengkal (diukur dengan tangan orang itu sendiri). Otak, tulang, selaput daging dan kulit rompa terdiri dari tujuh lapis. Manusia terdiri dari empat elemen iaitu tanah, air, api dan angin.

Di dalam mengubati seseorang itu, keempat-empat elemen ini mesti dititik beratkan. Keempat-empat elemen ini mestilah seimbang di dalam badan seseorang manusia. Kalau terjadi ketidak seimbangan diantara keempat-empat elemen seperti satu elemen lebih daripada yang tiga lagi, maka orang itu akan mendapat sakit. Misalnya di dalam badan seseorang itu lebih api, maka di dalam mengubati kelebihan api ini mestilah dikurangkan supaya seimbang semula dengan ketiga-tiga elemen tadi.

(ii) KONSEP PENYAKIT

Profesor Taib Osman mengatakan "The general term in Malay for illness is 'sakit'" (17). Penggunaan istilah ini adalah luas iaitu dari merasai sakit seperti 'sakit kepala' sehinggalah kepada menerangkan keadaan-keadaan yang melibatkan emosi dan fizikal.

Apabila adanya keadaan-keadaan seperti ini terdapat ahli atau pakar-pakar yang akan cuba memulihkan 'sakit' ini. Di dalam masyarakat Melayu amnya, seorang bomoh dikaitkan dengan pengubatan penyakit. Sungguhpun begitu, yang jelas di sini peranan seorang bomoh adalah luas. Selain menjadi bomoh, seseorang itu mungkin juga merupakan seorang imam (18).

'Mahaguru' umpamanya, selain daripada menjadi bomoh, beliau juga adalah seorang guru silat serta mengambil bahagian yang aktif di dalam bidang politik. Di sini pengkaji tidaklah bertujuan membincang peranan bomoh dengan lebih lanjut. Bidang perbincangan hanya dihadkan dengan jenis penyakit yang diubati dan bagaimana teknik bomoh mengubatinya. Bidang ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam Bab IV.

- (17) Mohd. Taib Osman - 'The Bomoh's Role in Rural Society' - New Straits Times, 1975 (April 1).
- (18) Mohd. Taib Osman - Kepercayaan Tradisional Dalam Sistem Kepercayaan Melayu, - Ditinjau Dengan Pendekatan Antropologi Budaya. Di susun oleh Mohd. Taib Osman & Hamdan di dalam Bingkisan Kenangan Untuk Pendita - Dewan Bahasa & Pustaka, 1978.

**BAB IV****JENIS PENYAKIT YANG DIUBATI DAN TEKNIK PENGUBATAN****A. JENIS-JENIS PENYAKIT YANG DIUBATI SERTA RAMUAN-RAMUAN YANG DIGUNAKAN**

Secara kasar, orang yang sakit dapat dibahagikan kepada tiga iaitu orang yang mengalami gangguan emosi, orang yang sakit tubuh badan dan orang yang mengalami kedua-duanya sekali.

**(1) ORANG YANG MENGALAMI GANGGUAN EMOSI**

Menurut seorang responden, Haji Salleh orang yang sakit emosi adalah disebabkan oleh gangguan rohani atau semangat yang lemah. Di dalam kategori ini juga boleh dimasukkan gangguan-gangguan dari benda-benda atau makhluk yang ghaib seperti hantu, syaitan, jin dan sebagainya yang berhubungan.

**MAKHLUK GHAIB**

Lanjutan daripada perbincangan di atas, pengkaji rasa perlu membincang satu topik khas mengenai makhluk ghaib. Ini adalah kerana makhluk ghaib memainkan peranan penting di dalam mengganggu kestabilan mental manusia. Makhluk ini telah dapat mempergunakan manusia sesuka hatinya. Makhluk ghaib yang dimaksudkan di sini ialah terdiri dari

hantu syaitan yang boleh membawa kemudharatan pada manusia. Makhluk ghaib ini berbeza dengan makhluk ghaib yang dibincangkan dalam hal mimpi. Mengikut pandangan "rahaguru", makhluk ghaib ini boleh memenuhi keadaan manusia sejaya berdasarkan zora, makhluk ghaib atau berasaskan kiasan. Menurut pendapat semua responden yang ditemui, apabila seseorang itu lemah semangatnya (rohani), ia senang dirasuki oleh makhluk ghaib. Menurut penerangan Haji Salleh mengenai orang yang dirasuk hantu menjelaskan, hantu atau syaitan adalah satu benda yang halus atau seni yang mengacau manusia. Hantu atau syaitan ini akan mengganggu rohani. Apabila rohani diganggu, semangat seseorang itu menjadi tidak tentu hala dan akal fikirannya kacau bilau. Di dalam mengubati pesakit yang dirasuk hantu tadi, bomoh berperanan mengembalikan rohani kepada bentuk yang sedia kala. Seperti yang diketahui, rohani boleh dipengaruhi dan mempengaruhi, maka elemen seperti hantu syaitan boleh mempengaruhi semangat seseorang itu. Semangat seseorang itu boleh menjadi lemah ketika demam, sakit atau di kala fikiran melayang jauh (berangan-angan). Bagi orang yang kena ubat guna-guna atau terkena hikmat orang, rohanilah yang dipengaruhi. Ini kerana rohani sentiasa boleh masuk dan keluar daripada badan.

Hantu tadi dikenali sebagai 'terkunci' (1). Hantu itu komudianya boleh disaysa. Bagi Mak Jah pula, hantu atau makhluk ghaib akan merasuk orang-orang yang lemah badannya. Kalau badan seseorang itu tidak lemah, maka agak susah bagi hantu untuk merasuknya. Makhluk ghaib ini akan masuk ke dalam badan mngsanya mengikut kesukaannya sendiri. Terkunci ini bermaksud hantu ini berada di bawah kuasa bomoh. Di sebabkan 'ia' benda halus dan tidak mempunyai bentuk badan, maka ia boleh masuk ke dalam badan manusia melalui rongga bulu rompang dan

lain-lain anggota badan manusia.

Mengikut pandangan 'Mahaguru', makhluk ghaib ini boleh memasuki badan manusia melalui beberapa cara. Makhluk ghaib atau hantu secara kasarnya menurut beliau lagi kadang-kadang masuk ke dalam badan manusia melalui hujung-hujung jari. Tetapi yang kerap sekali, makhluk ini memasuki badan manusia melalui jari hantu. Jari hantu ialah jari tangan yang tengah. Ada juga yang masuk ke dalam badan manusia melalui ubun kepala.

Terdapat dua keadaan di mana seseorang itu dirasuk hantu.

Yang pertamanya ialah hasil dari ubat guna-guna atau di lain perkataan hasil perbuatan orang. Seseorang yang membela hantu akan menghantar hantunya kepada orang yang tertentu mungkin kerana sakit hati dan sebagainya. Orang yang kena rasuk hantu seperti ini akan menemui bomoh. Bagi 'Mahaguru', apabila orang seperti ini datang kepada beliau, ia akan 'kunci' hantu tadi. Caranya ialah menjampi kapor dan dicalitkan pada ibu tangan dan ibu kaki. Kemudian lada hitam diambil dan dipicikkan pada jari ibu kaki. Apabila keadaan ini dilakukan, hantu tadi diistilahkan 'terkunci' (1). Hantu itu kemudiannya kalau ditanya akan memberitahu siapa 'ibu-bapanya' dan daripada mana ia datang. 'ibu-bapa' yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang yang

---

(1) Terkunci - Ini bermakna hantu ini berada di bawah kuasa bomoh. Apabila dikunci hantu tadi akan menjerit minta dilepaskan.

menghantarnya mengganggu pesakit tadi. Menurut 'Mahaguru', orang yang sudah biasa kena rasuk hantu, akan senang dirasuk pada kali-kali yang seterusnya. Ini kerana semangat pesakit tadi telah boleh dipengaruhi oleh makhluk ghaib.

Yang keduanya, dirasuk hantu disebabkan 'terkena'. Ini boleh terjadi menurut Mahaguru apabila seseorang melalui satu-satu tempat tertentu atau pun rimba tanpa memberi 'tabik' (2) terlebih dahulu kepada penunggunya. Hantu-hantu yang mengganggu manusia bagi keadaan-keadaan seperti ini ialah seperti hantu rimba, hantu laut, hantu panah lintar dan sebagainya. Semasa lalu lalang, membuang air kecil atau besar di tempat-tempat keras (3), jin atau hantu masuk ke dalam badan manusia melalui ubun-ubun kepala atau dihembus pada penyawa. Apabila hantu-hantu ini masuk ke dalam badan manusia, ia akan menghisap 'ulu hati' manusia. Ini menjadikan orang yang kena rasuk tadi susah untuk bernafas dan hantu tadi boleh mengambil alih badan manusia sesuka hatinya.

- (2) Tabik - memberi hormat kepada 'penunggu' yang dipercayai menguasai tempat-tempat yang tertentu. Ini dilakukan dengan mengatakan misalnya "anak cucu minta tumpang lalu", "anak cucu tidak tahu bahasa, minta tumpang buang air kecil/besar".
- (3) Tempat keras - Kediaman hantu dan jin atau pun tempat lalu lalang mereka.

(ii) ORANG YANG SAKIT TUBUH BADAN

Bagi orang yang sakit tubuh badan, ini merupakan penyakit-penyakit yang terdapat pada tubuh badan manusia samaada di-dalam atau di luar badan seperti barah, kayap, batu karang, kencing manis, lemah jantung, penyakit kulit, darah tinggi dan lain-lain lagi. Penyakit bagi tubuh badan ini selain daripada menggunakan jampi, para bomoh juga akan menggunakan ramuan-ramuan atau bahan-bahan yang terdiri dari jenis akar kayu. Misalnya Wak Mat telah memberi ramuan atau bahan untuk beberapa jenis penyakit. Yang pertamanya ialah penyakit kencing manis. Bahan-bahannya adalah seperti berikut :-

- 1) **Kulit jering**
- 2) **Kulit petai**
- 3) **Kulit keras**
- 4) **Kulit petai badong**
- 5) **Kulit petai belalang**
- 6) **Petai bunga Siam**
- 7) **Akar tawadi**
- 8) **Akar cerita**
- 9) **Akar tungkat Ali**

Penyakit yang kedua ialah batok penat. Bahan-bahan yang digunakan adalah seperti berikut :-

- 1) **Pauh mata rusa**

- 2) Kulit pauh Damak
- 3) Kulit pauh kumbang
- 4) Sebam pucuk putih
- 5) Sebam pucuk hitam
- 6) Beka putih

(iii) **MEMBUAT HIKMAT PADA ORANG**, pada pagi basoknya perempuan itu akan berkehilah lagi. Perempuan yang menggunakan hikmat ini Selain daripada fungsi bomoh sebagai pengubat penyakit seperti yang telah diterangkan di atas, terdapat juga bomoh yang menggunakan ilmu mereka untuk membuat hikmat pada orang lain. Di dalam hal ini, termasuklah juga membuat ubat guna-guna. Misalnya di waktu majlis perkahwinan, menurut Mahaguru, ia boleh membuat nasi yang dimasak menjadi mentah, daging melompat keluar daripada periok dan sebagainya. Ini adalah untuk mengacau bilaukan majlis perkahwinan serta memalukan tuan rumah. Mahaguru mendakwa mempunyai ilmu dan hikmat yang banyak sekali tentang perempuan. Menurut beliau orang perempuan yang iri hati atau sakit hati pada perempuan lain akan datang kepadanya untuk mengenakan guna-guna pada perempuan yang berkenaan. Antara ubat guna-guna yang dilakukan oleh Mahaguru untuk perempuan-perempuan ini ialah :-

(1) membuat perempuan yang berkenaan 'turun darah' iaitu darah akan keluar tidak berhenti daripada rahimnya sejak dia perempuan tadi. Ibu, beliau telah bertambah tidak mahu lagi melakukannya perkara-perkara kiasan pada orang. Pada hari tu dia

(2) bengkak tempat penyawa perempuan itu.

(3) Ia juga boleh membuat pasangan yang berkahwin bercerai. Cara yang beliau lakukan ialah dengan menjampi kapor makan dan dipangkahkan pada tempat tidur pasangan yang berkenaan. Pada malamnya pasangan tadi akan berkelahi. Kalau lelakinya keras hati, pada pagi besoknya pasangan ini akan berkelahi lagi. Perempuan yang mempunyai barang-barang kemas akan melucutkan barang-barangnya dan menebus talak.

'Mahaguru' boleh juga mencari barang-barang yang hilang.

Apabila ada kecurian, orang-orang yang berkenaan akan datang menemui 'Mahaguru'. Tujuan mereka adalah untuk mendapatkan balik barang yang hilang iaitu dengan harapan pencuri barang itu akan memulangkan semula barang yang dicurinya. Mahaguru akan membuat hikmat sekiranya pencuri itu tidak memulangkan semula barang yang dicurinya, ia akan ditimpa sakit. Perbuatan ini banyak dilakukan oleh 'Mahaguru' sehinggalah pada tahun 1961 apabila satu peristiwa telah berlaku.

Pada tahun 1961, abang ipar kepada 'Mahaguru' telah mencuri seutas rantai emas. Tuan punya rantai itu telah datang kepada 'Mahaguru' untuk mendapatkan semula rantainya, tetapi Mahaguru tidak mengetahui orang yang beliau kenakan hikmat itu adalah abang iparnya sendiri. Dalam tempoh masa tujuh hari, abang iparnya telah mati. Sejak daripada peristiwa itu, beliau telah bertaubat tidak mahu lagi melakukan perkara-perkara kianat pada orang. Pada hari ini beliau

telah meninggalkan perkara-perkara seperti :-

- (1) mencerai beraikan pasangan yang berkahwin.
- (2) membuat orang sakit.
- (3) mencari barang yang hilang.

Pada hari ini hikmat kianat terhadap orang telah diupah

coraknya. Yang dimaksudkan di sini ialah seperti menyatukan semula lelaki perempuan yang telah berpisah. Satu kes yang diterangkan tiba oleh beliau selalunya seorang lelaki apabila sebelum berpindah ke tempat lain, berjanji akan berkahwin dengan perempuan yang berkenaan. Tetapi apabila ia telah bekerja jauh dan berjumpa dengan perempuan lain, ia akan tinggalkan perempuan yang berkenaan. Jadi jampi atau hikmat inilah diajar oleh 'Mahaguru' kepada perempuan yang ditinggal-kan oleh lelaki tersebut.

B. TEKNIK PENGUBATAN

(i) MIMPI Dua kali masyarakat Melayu menyukarinya, beliau telah bersoal-sa-  
ngat mengenai mimpi yang dialami oleh Mak Jah. Beliau bersoal-so-

Diantara berbagai teknik yang terdapat di dalam perubatan

secara tradisional, terdapat satu teknik yang amat menarik digunakan oleh bomoh-bomoh. Teknik ini ialah melalui mimpi. Sungguhpun ter-dapat kajian-kajian yang dilakukan ke atas perubatan Melayu tradi-sional, tetapi soal mimpi ini hanyalah disentoh sepintas lalu sahaja. Jadi di sini pengkaji akan cuba memperdalam dengan lebih lanjut

sedikit mengenai mimpi. Mimpi yang pengkaji maksudkan di sini adalah mimpi yang dialami oleh para bomoh di waktu malam sewaktu tidur. Mimpi merupakan suatu faktor yang sangat penting bagi bomoh-bomoh yang berada di tahap awalan atau di lain perkataan di dalam 'latihan' mereka menjadi bomoh. Fenomena ini jelas terutamanya bagi bomoh-bomoh yang memperolehi ilmu perbomohan melalui keturunan. Selepas mengalami beberapa peristiwa tertentu, bomoh-bomoh akan mengalami mimpi pula. Misalnya seorang responden pengkaji iaitu 'Mahaguru', tahap permulaan beliau menjadi bomoh ialah berikutan dengan peristiwa adiknya sakit. Ekoran daripada peristiwa ini, pada suatu malam sedang beliau tidur, ia telah tidak sedarkan diri kemudian turun nenek dan mengubat adiknya yang sedang sakit. Kemudian pada malam-malam Jumaat dan Selasa beliau bermimpi datang seorang tua yang memakai baju putih dan mengajar beliau ilmu perubatan. Peristiwa seperti ini juga terdapat pada Mak Jah. Tahap awalan di dalam proses beliau menjadi bidan ialah beliau mengalami sakit yang terok. Apabila masuk minggu ketiga sakitnya, beliau telah bermimpi. Di sini di petik peristiwa mimpi yang dialami oleh Mak Jah. Beliau bermimpi seorang perempuan tua telah menyuruhnya menyintok limau badannya supaya bersih. Kali kedua kedatangan perempuan tadi ialah malam selasa dan pada kali ini, Mak Jah disuruh berpuasa. Setelah Mak Jah habis melakukan berpuasa, perempuan ini datang lagi pada malam Jumaat. Kedatangan beliau kali ini telah dimulai dengan ucapan 'assalamualaikum' sambil mengilik 'Bakul Pengkeras'. Setelah dua kali salaman yang diberi tidak dijawab oleh Mak Jah, perempuan tua itu memberitahu, kalau Mak Jah tidak menjawab salamannya, ia akan sakit lebih terok dan

perempuan itu kemudiannya ghaib. Peristiwa seterusnya, perempuan tadi datang lagi pada malam Khamis. Pada kali ini salamannya terus dijawab oleh Mak Jah. Perempuan tua tadi terus meletakkan bakul pengkerasnya beserta sireh pinang tiga helai. Mak Jah telah diperintahkan tidur di atas sehelai hamparan kain yang putih. Apabila tidur di atas hamparan ini, ia merasa seolah-olah dirinya telah mati. Mak Jah kemudiannya telah bertanya orang yang dihadapannya mengapa bahagian yang didudukinya terang pada hal tempat lain semuanya gelap. Setelah pertanyaan tadi diajukan sebanyak tiga kali, orang yang dihadapannya telah bertempik sekutu hati sambil mengajak Mak Jak ke tempat buat amalan. Apabila sampai ke tempat yang dituju, terdapat ramai kanak-kanak yang sedang menyusu. Orang yang membawa Mak Jah tadi memberitahu di situlah tempat Mak Jah menerima ilmu 'Tok Nenek Tujuh Keturun'.

Sebelum kita lanjutkan perbincangan dengan lebih mendalam lagi, perlu rasanya dilihat apa yang dikatakan mimpi khas dan mimpi biasa. Dari dua orang responden yang mengalami mimpi ini, mereka dapat membedakan apa yang dikatakan mimpi khas dan mimpi biasa. Dari penerangan Mak Jah selalunya di dalam mimpi yang khas Makhluk ghaib atau istilah Mak Jah 'bidan ketujuh' akan memperkenalkan dirinya. Misalnya 'ia' terlebih dahulu akan memberi salam kepada Mak Jah dan kemudian mengatakan 'yang datang ini adalah tok nenek hang sendiri'. Selalunya dengan melihat rupa saja, Mak Jah akan kenal yang datang di dalam mimpi adalah tok neneknya sendiri. Perempuan ini menurut Mak Jah adalah neneknya. Perempuan ini sebelum mati adalah seorang bidan dan beliau mati di dalam umur yang sangat lanjut.

Bagi Mahaguru pula, beliau dapat mengenali mimpi khas ini berdasarkan faktor-faktor yang lebih kurang sama dengan Mak Minah. Orang-orang yang dimimpinya itu terdiri dari dua orang tua iaitu seorang lelaki dan seorang lagi perempuan. Mereka ini berpakaian serba putih dan akan memperkenalkan diri mereka pada Mahaguru.<sup>4)</sup> Menurut Mahaguru lagi orang-orang tua ini adalah 'wali kesakti'. Mereka ini telah mati dan menjelma di dalam mimpi. Pada masa hayatnya, mereka ini adalah orang-orang megah ataupun orang-orang besar dan ternama di dalam bidang pengubatan. Satu lagi yang patut disebutkan di sini ialah selalunya apa yang berlaku di dalam mimpi yang biasa adalah kurang jelas. Tetapi di dalam hal mimpi khas, segala-segalanya jelas dan teratur (4).

Ciri-ciri yang 'stereotype' agak ketara di dalam mimpi bomoh-bomoh ini ialah pakaian serba putih oleh orang-orang ghaib ini serta kedatangan pada malam-malam tertentu sahaja iaitu Jumaat dan Selasa. Pakaian serba putih ini mungkin melambangkan orang yang sudah mati. Di dalam masyarakat Melayu, pakaian serba putih digunakan untuk mengapangkan orang yang telah mati. Ini membawa erti orang-orang yang datang di dalam mimpi itu adalah orang-orang yang telah mati. Putih juga mungkin melambangkan kesucian iaitu seperti yang diterima oleh ramai orang umumnya. Kesucian ini mungkin juga dari segi kearoma winta (olong (disebut nasa sakit) bat yang berubah", peng-

(4) Najmah Zakaria - Perbidanan yang bercorak tradisional di kawasan Tapah. Latihan Ilmiah JAS, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1973.

Dilampung itu, ia secara sebaliknya divonis disertai juga oleh orang

amalan yang disampaikan pada para bomoh iaitu mengubati, menolong orang yang di dalam kesusahan khususnya mengalami penyakit.

Kedatangan pada hari-hari yang tertentu oleh 'makhluk ghaib' ini mungkin ada kepentingannya. Hari Jumaat mempunyai beberapa keistimewaan. Di dalam Islam hari yang paling baik adalah hari Jumaat di mana pada hari-hari ini selalu diadakan kenduri, bacaan Yasin dan sebagainya. Hari Selasa pula, menurut kepercayaan bomoh adalah satu hari yang berkat. Hari Selasa dikaitkan dengan perubatan di mana terdapat kepercayaan kononnya anak-anak yang dilahirkan pada hari Selasa pada suatu hari akan menjadi bomoh. Jadi kemungkinan hasil dari faktor-faktor tadi terjadi pengembelingan di antara kedua-dua hari itu di dalam 'dunia' bomoh.

Apa yang lebih penting di sini ialah para-para bomoh menggunakan makhluk ghaib ini di dalam pengubatan mereka. Bagi Mak Minah, unsur pokok di dalam pengubatannya adalah makhluk ghaib.

Di dalam pengubatannya, sebelum perubatan dimulakan, Mak Minah terlebih dahulu akan menyeru 'Tok Nenek Bidan Ketujuh' untuk menolongnya. Beliau akan berkata "hamba Allah nak suruh, sallalah alai wassalam, sampailah salam anak cucu tok nenek cucu ketujuh keturun minta tolong (disebut nama sakit) nak pergi berubat". Dengan sebab ini juga menurut Mak Minah, kalau ia sendiri melahirkan anak, ia tidak payah menggunakan bidan, ia sendiri akan mengurut dirinya. Di samping itu, ia merasa seolah-olah dirinya diurut juga oleh orang

lain yang kemungkinan besarnya ialah tok neneknya sendiri.

Menurut seorang lagi responden iaitu Mak Teh, sebelum seseorang bidan mengubat seseorang ia akan bermimpi terlebih dahulu. Misalnya menurut Mak Teh, beliau pernah bermimpi sejenis daun. Sebelum peristiwa mimpi ini, daun itu memang telah digunakan untuk mengubat patah. Jadi dengan bermimpi daun tadi, bidan tadi telah dapat meneka bahawa beliau akan mengubati pesakit patah. Dan apabila ia merawat orang sakit, ia sudah tahu bahawa ia harus menggunakan ramuan dari daun tadi.

Keadaan yang sama dialami juga oleh Mak Jah. Menurutnya kalau ada orang yang hendak berubat kepadanya, ia terlebih dahulu mengetahui. Mak Jah memberitahu ia mendapat alamat di dalam mimpi misalnya jika ada orang yang hendak bersalin, di malamnya beliau bermimpi membasuh uri. Ini membawa makna bahawa siangnya ataupun sebentar lagi ada orang yang akan menyusuli Mak Minah kerana ada orang yang hendak bersalin.

Di dalam bermimpi, orang tua atau makhluk ghaib akan mengajar bomoh cara-cara untuk mengubat seseorang. Selain daripada itu, bomoh-bomoh juga akan diberi ramuan-ramuan bagi pengubatannya. Menurut Mak Teh, seseorang bidan itu akan diberi segala ramuan untuk ubat-ubatan. Kemudian ditunjukkan yang ramuan-ramuan itu dibancuh di dalam cawan. Dengan sendirinya seorang bidan itu akan tahu bahawa ramuan bancuhan itu hendaklah diminum oleh sipesakit. Menurut 'Mahaguru' pada awal-

awal pengubatannya, orang tua berpakaian putih datang pada malam-malam Jumaat dan Selasa di dalam mimpinya dan memberi ramuan-ramuan akar kayu. Tetapi sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, cara-cara berubat yang diperolehi melalui mimpi telah berkurangan. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan sekarang ini di mana 'Mahaguru' telah cekap dan telah berpengalaman di dalam hal-hal perubatannya.

(ii) MENURUN

Dari pemerhatian pengkaji sendiri, menurun merupakan satu fenomena di mana seorang bomoh berada di dalam keadaan yang seolah-olah tidak sedarkan diri. Dari data-data yang diperolehi dari responden kes menurun amat sedikit sekali dilakukan oleh bomoh. Menurun merupakan kemuncak di dalam pengubatan seseorang bomoh. Dari kajian pengkaji, menurun hanya digunakan bagi kes-kes yang terok sahaja. Ini diakui sendiri oleh tiga orang responden pengkaji. Menurut Mak Jah, kalau ada kes-kes yang terok di mana beliau sendiri sudah tidak dapat mengendalikan keadaan seperti keadaan ibu-ibu yang lekat urinya apabila bersalin, ia akan lupa diri atau menurun. Keadaan yang sama diakui oleh 'Mahaguru'. Menurut 'Mahaguru' "kalau penyakit kuat, masa itu baru lupa diri".

Di dalam keadaan menurun ini, para bomoh mendakwa mereka tidak sedar akan apa yang dilakukan oleh mereka. Oleh kerana kes yang melibatkan menurun adalah kes-kes penyakit yang berat, maka makhluk ghairi perlu campur tangan di dalam pengubatan tadi. Menurut

'Mahaguru' semasa beliau lupa diri wali kesakti akan menolong beliau di dalam perubatan. Bagi Mak Jah pula, tugas mengubati telah diambil oleh makhluk ghaib yang meresapi ke dalam badannya.

Di sini bukanlah tujuan pengkaji hendak menyoal samaada logik atau tidak pendapat ini tetapi apa yang lebih penting ialah melihat penerangan dan sebab musabab yang diberi oleh para bomoh tentang perkara ini. Di sini kelihatan seseorang yang menurun disebabkan oleh ilmu yang dipelajarinya sendiri. Mereka yang menurun selain daripada menggunakan doa-doa yang tertentu juga bergantong banyak pada 'makhluk ghaib'. Pesuruh atau 'makhluk ghaib' merupakan faktor utama penyebab terjadinya keadaan menurun di sini.

Satu hal yang agak unik di sini, di dalam keadaan tidak sedarkan diri, bomoh akan melakukan perlakuan-perlakuan yang ganjil. Di lain perkataan di sini, perlakuan-perlakuan yang di luar batas-batas perlakuan manusia yang rasional. Mak Jah pernah mendakwa bahawa di dalam pengubatannya, beliau pernah menjilat badan bayi yang baru dilahirkan. Hanya selepas sedar dari lupa, baru beliau akan muntah.

Terdapat satu keistimewaan bagi bomoh, bidan yang menggunakan 'makhluk ghaib'. Keistimewaannya ialah, bomoh ini boleh mengubati seseorang tanpa hadhir di tempat orang yang sakit. Misalnya kalau bidan yang tidak menggunakan pertolongan 'makhluk ghaib', ia terpaksa melakukan segala urut mengurut apabila seseorang itu sakit. Tetapi

keadaan sebaliknya akan terjadi kepada bidan yang menggunakan 'makhluk ghaib'. Misalnya pada malam hari pesakit kepada bidan merasa sakit atau sengal tubuh badannya, si pesakit akan terasa seolah-olah dirinya sedang diurut oleh seseorang pada hal bidan tadi tidak hadhir sama. Ilmu seperti ini selalunya turun temurun iaitu diperturunkan dari satu jenerasi kepada jenerasi selepasnya.

#### ISYARAT HENDAK LUPA DIRI

Seseorang bomoh dapat meneka bahawa ia akan mengalami keadaan menurun atau tidak sedarkan diri ini. Bagi Mak Jah, tanda-tanda yang menunjukkan beliau akan 'lupa diri' ialah pertamanya ia akan merasa sejuk ibu jari kakinya dan sejuk ini akan merebak keseluruhan badan dan kemudiannya ia akan terus lupa atau tidak sedarkan diri. Bagi 'Maha-guru' pula, tanda pertama yang dialami olehnya ialah bahagian telinganya merasa seram sejuk dan diikuti oleh meremang bulu romah tengukuk dan akhir sekali, beliau pun mengalami keadaan menurun. Di sini tanda-tanda yang dialami oleh para bomoh ini berlainan diantara satu sama lain. Ianya terpulanglah pada individu masing-masing.

Terdapat dua keadaan yang boleh menyebabkan menurun ini :-

(1) secara sengaja

(2) tidak sengaja

Yang dimaksudkan dengan secara sengaja ialah, bomoh memang

mempunyai tujuan ke arah menurun tadi dengan maksud mengubati penyakit. Ini dilakukan dengan menyeru 'makhluk ghaib' yang menjadi pesuruh bomoh tadi. Juga sebelum fenomena 'menurun' terjadi, terdapat beberapa upacara yang dijalankan oleh bomoh seperti alat-alat pemujaan yang disediakan sebelumnya seperti bertih, nasi kuning dan sebagainya.

Keadaan tidak sengaja menurun boleh timbul oleh beberapa sebab. Yang pertamanya, bomoh tidak mempunyai tujuan menurun apabila ia sedang mengubati seseorang pesakit. Tetapi disebabkan oleh keadaan yang sudah tidak dapat dikawalkan oleh bomoh, maka ia dengan tiba-tiba akan lupa diri. Ini termasuklah keadaan-keadaan yang terdesak atau mencemaskan seperti seorang itu dirasuk hantu yang 'keras' (5) atau keadaan ibu yang lekat uri. Logik yang kelihatan di sini ialah fungsi mengubati telah diambil alih oleh makhluk ghaib.

Keadaan kedua yang disebabkan oleh menurun dengan tidak sengaja ialah bomoh yang melanggari pantang larang. Menurut Mak Teh, bidan-bidan yang menggunakan pertolongan 'makhluk ghaib' mempunyai beberapa pantang larang yang mesti dipatuhi. Menurut Mak Jah beliau pantang atau menjadi satu larangan bagi beliau untuk menyusup di bawah penyidai kain. Penjelasan disebalik larangan ini ialah ilmu yang dipelajari tidak akan menjadi dan setiap apa yang dilakukan oleh beliau akan mendapat halangan. Tetapi pantang seperti Mak Minah ini bukanlah

---

(5) Hantu yang keras - Hantu yang susah untuk keluar dari badan mangsa-nya.

satu hal yang boleh membawa kepada keadaan lupa diri. Pantang larang yang boleh membawa kepada lupa diri atau menurun ialah berkenaan dengan hal-hal makanan. Menurut Mak Teh, bidan-bidan yang menuntut, ia mesti pantang daripada memakan benda-benda yang berdarah. Ini adalah kerana pesuruh atau 'makhluk ghaib' yang menjadi penolong kepada bidan tadi terdiri dari 'benda' yang mempunyai darah. Kalau seseorang bidan itu termakan benda-benda yang mempunyai darah seperti daging lembu, ayam dan sebagainya, ia akan lupa diri. Pengkeras atau bayaran pesakit kepada bidan di dalam kategori ini tidak boleh di dalam bentuk makanan. Makanan yang dimaksudkan di sini ialah binatang-binatang yang telah disembelih. Kadang-kadang seseorang bidan itu terlupa, ia akan mengambil juga pengkeras yang berupa benda berdarah, ia kemudiannya akan lupa atau tidak sedarkan diri.

#### CARA MEMULIHKAN DARIPADA LUPA DIRI (MENURUN)

Apabila terjadi keadaan menurun, seseorang bomoh itu mestilah mengubati dirinya sendiri. Berkenaan dengan menurun dengan sengaja, ini tidaklah menyulitkan, apabila habis sahaja berubat, seseorang itu akan pulih seperti sediakala. Caranya menurut Mak Jah ialah di dalam keadaan tidak sedarkan diri, beliau akan meminta kemian kerana "hendak pulang". Kemian kemudian dibakar dan diperasap ke seluruh tubuh badan Mak Jah, ia kemudian akan rebah dan tertidur. Setelah bangun daripada tidur, barulah ia akan sedarkan dirinya dan memberitahu ia merasa lenguh di seluruh badannya.

Bagi keadaan menurun yang tidak sengaja, keluarga yang ter-dekat atau sahabat handai akan menolong bomoh tadi untuk menyedarkannya semula. Selalunya apabila seseorang bomoh itu lupa diri, keluarganya seperti anaknya, suami/isteri akan menyediakan asap kemian. Kemudian beliau akan 'menyahut' semula benda-benda yang di'bela'nya iaitu 'makhluk ghaib'. Selepas daripada ini barulah bidan tadi akan sedarkan diri dan pulih seperti sediakala.

Yang ketiga-tiganya, ayat Quran boleh digunakan untuk menyembuh penyakit.

### (iii) LAIN-LAIN CARA PENGUBATAN

Berkemben dengan jampi, para bomoh memiliki sejumlah teknik pengubatan lain.

Selain daripada cara-cara pengubatan yang telah dibincangkan, terdapat beberapa cara lagi untuk mengubati penyakit. Diantara cara-cara ini ialah seperti jampi, urut, menggunakan akar kayu dan menggunakan alat-alat hikmat.

yang telah dituturkan sebelumnya, sumbu beliau menjampi, kononnya orang yang JAMPI insulitinya akan dapat mendengar. Terapi selesa itu beliau tidak dapat mengingat lagi sejak jampi-jampi tadi. Menurutnya

Hampir setiap bomoh yang menjadi responden pengkaji mengaku tidak menggunakan jampi di dalam perubatan mereka. Mengenai jampi yang digunakan, terdapat berbagai-bagai bahasa yang digunakan oleh para

bomoh. 'Mahaguru' misalnya menggunakan jampi dari ayat-ayat Quran, bahasa Jawa, bahasa Thai dan bahasa Melayu. Ini sama halnya dengan

Mak Teh yang menggunakan jampi-jampi yang terdiri dari ayat-ayat

Quran dan ayat-ayat perkataan Melayu. Ada doa/jampi boleh digunakan

untuk bermacam-macam jenis penyakit dan ada yang satu doa yang ter-

tentu dikhaskan untuk satu jenis penyakit sahaja. Misalnya menurut

Mahaguru, doa/jampi bagi penyakit resdong dalam bahasa Thai hanya di khaskan pada penyakit resdong sahaja. Jampinya "Om mali malak, mali caplak, ca ma ca plin, ca ma ca plak, ta hum long di um sik si gu" (6). Berlandaskan pada latar belakang Islam oleh para responden pengkaji, semuanya sependapat mengatakan jampi jenis perkataan adalah terhad penggunaannya. Jampi-jampi seperti dalam bahasa Jawa, bahasa Thai dan bahasa Melayu hanya boleh digunakan untuk satu jenis penyakit sahaja. Yang istimewanya, ayat Quran boleh digunakan untuk semua jenis penyakit.

Berkenaan dengan jampi, para bomoh kelihatan seolah-olah ingin merahsiakannya. Keadaan ini lebih jelas lagi didapati pada bomoh yang mendapatinya melalui mimpi. Bomoh-bomoh ini memberi alasan masing-masing untuk melindungi jampi mereka daripada diketahui umum. Misalnya Mak Jah menerangkan beliau tidak dapat mengingati jampi-jampi yang telah dituturkan olehnya. Semasa beliau menjampi, kononnya orang-orang yang disekelilingnya akan dapat mendengar. Tetapi selepas itu beliau tidak dapat mengingati lagi segala jampi-jampi tadi. Menurutnya lagi, ia akan ingat semula jampi-jampi yang berkenaan apabila ia hendak mengubati pesakitnya. Ini terjadi menurutnya ilmu-ilmu ini adalah hak keturunannya, jadi dengan cara yang demikian akan menyelamatkan ilmu-ilmu tadi dari terlepas pada tangan orang lain.

Mahaguru juga mempunyai konsep yang sama mengenai jampi ini. Tetapi beliau membuat sedikit pengecualian. Jampi-jampi yang boleh diberitahu atau diajar pada orang lain merupakan jampi-jampi yang

berupa hikmat terhadap orang lain. Yang dimaksudkan di sini ialah hikmat di dalam hal perhubungan lelaki dan perempuan. Perhubungan diantara kedua ini jelas melibatkan hal-hal kasih sayang dan cinta. Misalnya orang perempuan yang sudah lama berkawan dengan seorang lelaki, tetapi lelaki yang berkenaan telah belot dan mencari perempuan lain. Jadi jampi atau hikmat diberi oleh 'Mahaguru' supaya lelaki tadi dapat direbut semula.

Cara yang dilakukan untuk tujuan ini ialah dengan memuja matahari empat kali sehari. Pada paginya, orang dikenakan hikmat akan diseru namanya. Kemudian lebih kurang pukul 12.00 tengah hari sekali lagi orang yang hendak dikenakan hikmat itu dipuja namanya. Kali yang ketiga ialah sewaktu matahari jatuh ataupun hampir-hampir senja. Aturcara ini dilakukan sekali lagi. Kali yang keempat ialah pada waktu malam. Apabila diseru pada waktu malam, lelaki atau perempuan yang dipuja tadi akan merasa seolah-olah ada orang yang memegang tangannya. Menurut 'Mahaguru', tiga atau empat hari saja hikmat ini dilakukan, orang yang kena hikmat tadi akan lari dan mengajak orang yang melakukan hikmat tadi berkahwin dengannya. Satu kes yang diceritakan oleh 'Mahaguru' ialah berkenaan dengan seorang pemuda India yang berhajatkan seorang gadis berbangsa Thai yang sedang di Bangkok. Selepas beberapa hari saja melakukan hikmat pada gadis tadi, gadis tadi telah lari ke Malaysia dan mengajak pemuda India tadi berkahwin dengannya. Menurut 'Mahaguru' hikmat seperti ini sangat berjaya. Kadang-kadang ada juga kes seorang pemuda datang meminang, tetapi bapa bagi pehak perempuan tidak membenarkan serta mengeluarkan kata-

kata yang agak kesat seperti satu contoh yang diberi oleh 'Mahaguru' - "lebih baik bagi dekat keling botol". Peristiwa begini menyebabkan lelaki tadi malu dan datang meminta hikmat kepada 'Mahaguru'. Satu kes yang terjadi akibat dari peristiwa-peristiwa seperti ini ialah seorang perempuan yang mempunyai kelulusan M.C.E. lari untuk berkahwin dengan seorang lelaki yang kerjanya hanya mencabut ubi.

~~menurut~~ Sekatan-sekatan jampi daripada diketahui umum mungkin mempunyai beberapa fungsi. Ini ialah untuk menjaga kedudukan bomoh itu sendiri. Kalau jampi diketahui umum, mereka mungkin tidak payah lagi merojok pada bomoh apabila mengalami sakit. Dengan ini perubatan boleh dilakukan dengan sendiri. Apabila keadaan ini terjadi, kedudukan dan mata pencarian bomoh mungkin terancam. Seperti kata Mak Teh "kalau beritahu ilmu itu sudah tentu semua orang boleh menjadi bomoh".

~~ini dapat dipulihar.~~ Selain daripada menggunakan 'Mahaguru' juga boleh diambil alih dengan salah pesakitnya. Apabila seorang yang tidak pasrah menemui orang badannya, air yang dijauhi tadi berperanan untuk ~~untuk~~ Di dalam pengubatan sehari-hari, jarang bomoh yang menggunakan hanya semata-mata jampi. Selain daripada jampi, akan disertai juga cara-cara pengubatan lain seperti menggunakan ramuan ubat-ubatan, alat-alat tertentu serta cara mengurut.

~~tidak di~~ Ada penyakit yang tidak cukup dengan hanya menggunakan jampi tetapi mesti diikuti dengan mengurut seperti hal-hal patah bahagian anggota badan. Mengenai hal patah, menurut 'Mahaguru', pesakit-  
(2) ~~titik~~ titik impitan 2, gambar  
(3) pesakit yang datang kepada beliau adalah mereka-mereka yang gagal di-

selamatkan di Hospital. Jadi sebagai pelarian terakhir mereka menjumpai Mahaguru dengan harapan sebahagian daripada anggota badan mereka tidak dipotong. Mereka-mereka yang datang kepadanya kebanyakannya daripada negeri-negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Tetapi pada hari ini asykar sudah ramai yang datang untuk berubat dengan beliau. Asykar - tentera-tentera ini kebanyakannya sudah berada di dalam hospital selama lima atau enam bulan. Doktor menurut mahaguru menandatangani untuk memotong saja kaki mereka yang sudah tidak dapat diselamatkan lagi. Rengkasnya purata mereka yang datang adalah terdiri daripada mereka-mereka yang sudah mahu dipotong kakinya oleh doktor ataupun telah busuk. Apabila tiba kepada mahaguru, beliau akan memotong simen kaki atau tangan mereka-mereka ini (7). Kemudian ia akan menggunakan cara perubatannya iaitu dengan menggunakan ubat dan mengurut (8). Beliau mendakwa kebanyakkan daripada pesakit-pesakit ini dapat dipulihkan. Selain daripada mengurut, 'Mahaguru' juga membuat air jampi untuk diminum oleh pesakitnya. Apabila seseorang itu patah mana-mana bahagian badannya, air yang dijampi tadi berperanan untuk menyambung balik bahagian yang patah. Apabila seseorang itu meminum air yang dijampi oleh 'Mahaguru' tadi, tulang-tulang yang patah tadi akan bergerak ke arah satu sama lain dan menyambung semula. Istilah yang digunakan oleh 'Mahaguru' ialah 'tulang saling panggil memanggil di antara satu sama lain'. Inilah bahagian yang menurutnya tidak dapat dilakukan oleh para doktor. Selalunya proses menyambung

(7) Sila lihat lampiran 2, gambar 5

(8) Sila lihat lampiran 2, gambar 6 dan 7

semula tulang-tulang ini berlaku pada waktu tengah malam. Peristiwa seperti ini tidak menghairankan kerana menurut 'Mahaguru' beliau boleh membuat longgokan tulang-tulang kerbau bergerak dan melompat-lompat.

#### MENGGUNAKAN AKAR KAYU

Satu lagi cara yang sering dilakukan oleh para bomoh ialah dengan membuat ramuan ubat-ubatan dari akar kayu. Bagi Wak Mat yang pakar di dalam hal ubat-ubatan kayu, elemen-elemen seperti tanah, air dan angin memainkan peranan penting di dalam pengubatan secara tradisional (9). Misalnya kalau elemen tanah lebih di dalam badan seseorang itu isinya akan menjadi lembik atau 'medak' bagi istilah Wak Mat. Kalau angin yang lebih di dalam badan seseorang itu ia cepat penat atau di lain perkataan susah bernafas. Jika elemen api yang lebih di dalam tubuh seseorang itu, ia akan mendapat penyakit seperti demam, pitam dan macam-macam lagi. Di dalam perubatan tradisional, seseorang itu menurut Wak Mat mesti mengetahui elemen mana yang lebih. Wak Mat dapat mengetahui ini semua dengan melihat air muka seseorang itu. Misalnya kalau seseorang itu lebih api, mukanya menjadi warna merah. Kalau ia lebih angin, ia tidak boleh duduk lama ataupun cepat penat. Kalau elemen air yang lebih, ia cepat mengah.

---

(9) Sila lihat lampiran 2, gambar 8

Bagi Wak Mat, untuk satu penyakit terdapat beberapa cara pengubatan misalnya bagi satu jenis penyakit sahaja terdapat penggunaan sembilan bahan campuran, sebelas bahan campuran dan ada yang menggunakan tujuh belas bahan campuran. Terdapatnya kelainan-kelainan ini adalah kerana satu-satu ubat itu bergantung pada kesesuaian badan seseorang itu. Ada pesakit yang cukup dengan sembilan bahan campuran sahaja dan ada yang memerlukan sampai tujuh belas bahan ramuan ubat-ubatan untuk menyembuhkan penyakitnya (10). Jenis-jenis ubat-ubatan yang digunakan oleh Wak Mat di dalam pengubatannya ialah terdiri dari akar-akar kayu, daun-daun, kulit-kulit kayu dan juga ranting kayu. Wak Dol memperolehi ilmu pengubatan secara ramuan bahan pokok kayu ialah dari turun temurun. Beliau belajar mengambil dan mengenal pokok-pokok dari nenek dan bapanya. Tetapi menurut Wak Dol seseorang itu di dalam memilih bahan-bahan untuk pengubatannya mestilah teliti dan pakar kerana kalau tidak teliti ia mungkin terpilih bahan yang beracun. Di antara jenis-jenis racun ialah seperti :- datuk untuk menyengah kelainan badan yang terdapat di dalam badan seseorang. Ia

- 1) **akar hora** iaitu deripada terjadinya batu karang
- 2) **buah jambu kian** badan yang panas, sakit kepala
- 3) **tuba luli** iaitu terjadinya batu karang adalah keras. Jadi untuk melancarkan perjalanan batu karang

Ketiga-tiga jenis ini kalau dimakan boleh menyebabkan seseorang buang air besar tidak berhenti-henti sehingga membawa maut.

2) **akar puting beliung**

(10) Sila lihat lampiran 2, gambar 9 dan 10

Satu lagi jenis penyakit yang menurut Wak Mat beliau selalu berjaya mengubatinya ialah penyakit batu karang. Menurut Wak Dol, batu karang boleh terjadi adalah kerana seseorang itu selalu mencolek giginya untuk membuang sisa-sisa makanan. Sisa-sisa makanan itu tidak diludahnya tetapi telah ditelannya. Selalunya sisa-sisa makanan ini akan menjadi keras setelah beberapa lama di celah gigi. Sisa-sisa makanan ini dan juga kerana suhu badan seseorang itu panas akan menyebabkan sisa makanan itu menjadi batu. Ramuan-ramuan yang disediakan oleh Wak Mat di dalam pengubatan penyakit batu karang adalah seperti berikut :-

- 1) Kelapa dimasak supaya menjadi minyak yang muda iaitu bukanlah minyak kelapa yang telah betul-betul menjadi minyak, iaitu ianya dimakan sebelum santan kelapa bertukar menjadi minyak seperti dijual di kedai-kedai. Penerangan Wak Mat mengenai fenomena memakan minyak muda ini adalah untuk menyenangkan keluarnya batu karang yang terdapat di dalam badan seseorang. Disebabkan sebahagian daripada terjadinya batu karang adalah disebabkan suhu badan yang panas, maka keadaan di kawasan tempat terjadinya batu karang adalah kesat. Jadi untuk melancarkan perjalanan batu karang tadi, kita mestilah menaruh minyak.
- 2) akar puting beliung

3) akar kejing

4) akar tai

5) akar kelapa

Seorang lagi bomoh yang banyak bergantung pada penggunaan akar kayu ialah seorang bomoh yang berbangsa Tionghoa. Di dalam pengubatannya, beliau menggunakan akar kayu daripada negeri Cina. Ini kerana kata beliau akar kayu di Malaysia 'kurang kuat' kuasanya. Beliau seperti juga Wak Mat tidak menghadkan bilangan ramuan yang tertentu untuk satu-satu jenis penyakit. Ramuan-ramuan yang digunakan adalah mengikut penyakit dan kesesuaian pesakit pada ubat. Kadang-kadang untuk satu penyakit menurut beliau terdapat tiga jenis campuran dan kadang kala terdapat sampai dua puluh jenis bahan campuran. Terdapat juga tahap-tahap tertentu untuk mengubati penyakit. Misalnya cara bomoh Tionghoa ini mengubati penyakit lelah ialah pertamanya menghilangkan batok. Peringkat kedua pengubatan ialah membuang kahak yang menyebabkan terjadinya penyakit ini. Menurutnya lagi, beliau hanya mengubati penyakit-penyakit yang terok sahaja.

Sekarang kita lihat pula cara pengubatan akar kayu oleh seorang bomoh yang berbangsa Thai. Jenis-jenis penyakit yang paling banyak diubati oleh beliau adalah penyakit-penyakit seperti demam, kes-kes perempuan yang melahirkan anak, perempuan yang keguguran dan penyakit barah. Kalau dahulu ubat-ubat dicarinya sendiri di dalam hutan rimba tetapi sekarang ini beliau hanya membeli sahaja dari kedai. Ini menyenangkan dan menjimatkan masa menurut beliau. Beliau

seperti juga dengan Wak Mat mementingkan elemen-elemen tanah, air, api dan angin di dalam pengubatan. Perjalanan keempat-empat elemen ini mestilah stabil untuk menjamin kesihatan yang baik.

#### MENGGUNAKAN BARANG-BARANG GANJIL

Benda-benda ganjil yang dimaksudkan di sini ialah barang-barang yang dipercayai mempunyai kuasa pemulih penyakit (11). Di antara responden-responden yang ditemui hanya seorang sahaja yang menggunakan barang-barang ganjil ini iaitu Mahaguru. Menurut Mahaguru barang-barang yang mempunyai hikmat ini amat susah untuk diperolehi. Benda-benda ganjil ini seperti 'geliga embun' dan 'gading gajah mina'. Mahaguru mendakwa ia mempunyai banyak biji geliga embun. Benda-benda ganjil seperti ini adalah benda yang didapati kerana seseorang itu secara tidak langsung bernasib baik. Geliga embun ini digunakan oleh 'Mahaguru' untuk mengubat sakit mata. Caranya ialah dengan memasukkan geliga embun itu yang besarnya lebih kurang sebesar biji saga ke dalam mata. Kalau dibelah badan dan dimasukkan geliga embun ke dalam badan, seseorang itu akan menjadi kebal. Kebal bermakna orang tidak dapat mencederakan diri orang yang memakai geliga embun ke dalam badannya. Begitu juga ia tidak dapat dibunuh oleh orang. Kadang-kadang apabila dicederakan dan ia kelihatan seolah-olah telah mati dan badannya dilemparkan ke dalam sungai, tetapi setelah embun turun, iaitu pada tengah malam orang tadi akan bangun semula.

(11) Sila lihat lampiran 2, gambar 11 dan 12

TEKNIK PENGUBATAN PENYAKIT JIWA DAN KETAGIHAN DADAH

Segala penyakit dan cara perubatan yang telah dibincangkan oleh pengkaji merupakan penyakit-penyakit yang biasa. Maksud pengkaji di sini penyakit-penyakit dan cara perubatan yang telah disebutkan merupakan perkara-perkara yang biasa terdapat pada seorang pengkaji. Melalui perubahan masa, keadaan, suasana dan cara hidup manusia, maka timbul pula penyakit yang baru. Disebabkan tekanan-tekanan hidup di zaman moden ini, timbul penyakit-penyakit yang berhubungan dengan jiwa seperti penagihan dadah dan penyakit jiwa. Penyakit-penyakit seperti ini selalunya diubati oleh para doktor yang bertauliah. Tetapi apa yang cuba ditonjolkan oleh pengkaji di sini, dengan berlakunya perubahan masa, bomoh juga menukar teknologi perubatan mereka dengan melibatkan diri dengan fenomena semasa. Kalau dahulu tidak ada bomoh yang mengubati penyakit-penyakit seperti dadah dan penyakit jiwa tetapi waktu sekarang para bomoh juga melibatkan diri mereka di dalam hal-hal seperti ini. Contohnya bagi Haji Salleh dan Mahaguru. Haji Salleh misalnya mengubati banyak terlibat dengan kes-kes penyakit jiwa atau yang berkait dengan emosi. Beliau menggunakan dua cara di dalam mengendalikan soal-soal seperti ini :-

- i) menghapus penyakit itu 'Aksi Detuk' sedi juga akan

- ii) menghapus atau mengubah pemikiran yang karut marut.

Menurut Haji Salleh baiknya berubat dengan berlandaskan pada ugama Islam ialah penyakit dapat dihapuskan dan dalam masa yang sama juga dapat dihapuskan

kepercayaan-kepercayaan yang khurafat. Ini kerana kepercayaan karut ini boleh menghindar atau mengganggu akan perubatan bomoh tadi. Misalnya kepercayaan karut marut dan tahuyl seseorang itu yang mengatakan bahawa selagi ia tidak membuat kenduri pelepas niat maka selama itulah penyakit itu akan kekal. Emosi seseorang itu amat penting di dalam menolongnya sembah sesuatu penyakit. Selagi kepercayaan tahuyl masih menebal, maka sesuatu penyakit yang terjadi akan sentiasa dikaitkan dengan kuasa 'supernatural'. Cara pengubatan bagi sakit ini ialah dengan menggunakan jampi-jampi ayat Quran serta doa-doa dari Allah S.W.T.. Beliau juga mendakwa menggunakan Psikologi iaitu melihat latar belakang, keadaan sebelum pengubatan dilakukan. Perbincangan serta nasihat diadakan diantara beliau dan pesakit. Selain daripada itu pertolongan 'Ahli Khutub' diperlukan untuk perkara-perkara ghaib. Ahli khutub di sini akan memberitahu perkara-perkara yang tidak diketahui oleh bomoh tadi, ia juga berperanan sebagai penasihat tentang satu-satu penyakit dan juga segi kehidupan amnya. Disamping itu 'Ahli Khutub' tadi juga akan berdoa kepada Allah supaya permintaan bomoh tadi dimakbulkan. Mahaguru mempunyai cara yang tersendiri untuk mengubati ketagihan dadah. Menurut beliau, orang-orang daripada sekitar Kuala Lumpur juga datang kepada

beliau untuk berubat dadah. Yang pertama sekali dilakukan oleh beliau di dalam pengubatan ialah membuat ubat pembenci. Menurut 'Mahaguru', siapa yang hendak berubat penyakit dadah mesti melalui cara ini. Kalau ia dapat membuat hikmat pembenci, maka ia bolehlah berubat penyakit dadah. Hikmat pembenci ini ialah benci kepada kawan rapatnya yang menyebabkan beliau terjerumus di dalam lembah dadah. Si penagih dadah juga akan benci kepada orang yang mengedar dadah. Ia sebaliknya akan takut kepada ibu-bapa serta mendengar kata serta menyayangi ibu-bapanya.

#### CARA MEMERIKSA PESAKIT

Di dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji, terdapat hanya bomoh-bomoh yang di bawah kategori menggunakan akar kayu mempunyai cara-cara tertentu untuk memeriksa pesakit. Wak Mat memeriksa pesakit dengan mendengar denyutan jantung orang itu. Untuk tujuan ini, beliau menggunakan alat seperti yang digunakan oleh doktor untuk mendengar denyutan jantung pesakit iaitu 'stethoscope'. Menurut Wak Mat, doktor-doktor tidak dapat meneka penyakit seseorang itu walaupun dengan menggunakan 'stethoscope', doktor terlebih dahulu mesti menanya pesakitnya tentang tanda-tanda penyakitnya. Sebaliknya menurut Wak Mat, beliau tidak payah menanya pesakitnya apa penyakit yang sedang dihidapi. Dengan mendengar jantung samaada jarak perhentian yang cepat atau lama, beliau sudah boleh meneka penyakitnya, iaitu samaada orang itu lebih

api, air, tanah atau angin. Misalnya kalau orang itu lebih api, maka di dalam pengubatannya ia mestilah menggunakan ramuan-ramuan yang mempunyai elemen air dan tanah supaya api tadi dapat dipadamkan. Di lain perkataan, akar kayu untuk mengurangkan api di dalam badan seseorang mestilah terdiri daripada elemen-elemen yang mempunyai komponen-komponen tanah dan air. Bagi bomoh berbangsa Tionghoa pula, beliau pada mula-mula sekali akan menanya pesakit penyakit yang dialaminya. Kemudian beliau memegang nadi tangan pesakit. Daripada ini barulah boleh membuat konklusi tentang penyakit yang dihadapi oleh pesakitnya. Ini lebih kurang sama dengan bomoh berbangsa Thai. Beliau memegang nadi tangan pesakitnya. Beliau meneliti bagaimana perjalanan nadi iaitu satu minit berapa cepat nadi bergerak. Daripada ini beliau boleh mengetahui sakit yang dihidapi oleh pesakitnya.

Di dalam pengubatan menggunakan teknik perliduan, seorang ahli sebenarnya merujuk kepada seseorang terlatih. Beliau bukan ahli, dia hanya mengalih pantang larung yang terlatih pada pelanggarannya.

#### MARTU RAKUS

Pada waktu ini, tidak banyak pantang larung yang dilakukan pada seorang diri. Cetak pantang larung yang dilakukan biasalah dapat dilakukan diri. Larungan ini seperti si Abu-dziragh dulu di atas bandar dan kerjanya tidak termasuk di bawah suatu suku bersama.

**BAB V**

Larangan dan kebiasaan yang berjaya sepanjang sahaja. Dalam

lagi seperti alir aliran akhirnya adalah di atas mengikuti tempe melayah.

**BIDAN DAN TEKNIK PENGUBATANNYA**

Larangan dan kebiasaan kerana ditakut

al. Ibu masih maklumatkan anak. Keputusasaan menyayang atau disayangkan

dengan Perbidanan merupakan satu corak perubatan yang tersendiri. Teknik

pengubatannya berbeza dengan bomoh-bomoh yang telah dibincangkan oleh

pengkaji di dalam bab-bab sebelum ini. Ini kerana fenomena yang dihadapi

berbeza dengan bomoh iaitu bersangkut paut dengan hal-hal kelahiran. Di

dalam kontek perbincangan mengenai hal ini, bukanlah tujuan pengkaji untuk

membincangkan dengan terperinci hal-hal perbidanan. Di dalam ruangan

yang terhad ini, pengkaji hanya akan membincangkan hal-hal yang pengkaji

rasa unik dan belum lagi disentuh oleh pengkaji-pengkaji lain.

ujungnya tetapi, mungkin yang lebih penting adalah rakan-rakan. Tetapi selain

**A. KEPERCAYAAN**

Ibu ini tidak berkenan. Di mana ibu apabila merang

kepa berasa merasuk binatang, ia mesti boleh di dalam badinya bahawa yang

Di dalam mengendalikan mengenai hal-hal perbidanan, seseorang bidan

dan pelanggannya mempunyai kepercayaan-kepercayaan tertentu. Untuk

tujuan ini, bidan akan mengenakan pantang larang yang tertentu pada

pelanggannya.

memang ibu akan di jaga selama cepat pulih supaya baik selesa ber-

**WAKTU HAMIL**

ini juga dikenali sebagai masa peninggi di mana ibu akan di-

kenakan beberapa pantang larang. Di mana ini keadaan ibu ditagih dengan

begitulah Pada waktu ini, tidak banyak pantang larang yang dikenakan pada se-

seorang ibu. Corak pantang larang yang dikenakan hanyalah disegi tingkah

laku si ibu. Larangan ini seperti si ibu ditegah duduk di atas bendul

dan berjuntai kaki kerana ditakuti si ibu nanti susah untuk bersalin,

iaitu anak susah keluar atau kalau keluar pun hanya separuh sahaja. Satu lagi contoh si ibu tidak dibenarkan duduk di atas rumput tanpa melapek tikar atau kertas terlebih dahulu. Larangan ini dikenakan kerana ditakuti si ibu susah melahirkan anak. Rumput yang mempunyai akar diasosiasikan dengan bayi yang mungkin melekat di dalam rahim ibu seperti akar dan tidak mahu keluar.

Selain daripada si ibu yang harus berpantang, kaum bapa juga dikenakan pantang larang. Bapa kepada si bayi tadi dilarang memukul binatang sebelum bayi di dalam kandungan cukup sifatnya iaitu tujuh bulan. Apabila bapa memukul binatang-binatang dipercayai akan mendatangkan akibat kepada si anak. Misalnya si bapa memukul seekor anjing sehingga capek kaki anjing tadi, maka anak yang lahir nanti akan capek kakinya. Tetapi selepas tujuh bulan, sekatan ini tidak begitu ketat. Di masa ini apabila seorang bapa hendak memukul binatang, ia mesti ingat di dalam hatinya bahawa yang ia pukul itu adalah binatang dan bukan anaknya.

#### SELEPAS KELAHIRAN

Seseorang ibu akan dijaga selama empat puluh empat hari selepas bersalin. Masa ini juga dikenali sebagai masa pantang di mana ibu akan dikenakan beberapa pantang larang. Di masa ini kesihatan ibu dijaga dengan begitu rapi. Ibu diwaktu ini dilarang mengangkat benda-benda yang berat. Ibu jari kaki seseorang ibu dijaga supaya ia tidak melanggar benda-benda yang pejal seperti bendol rumah atau benda-benda berat yang menimpa ibu jari kaki ibu. Ini kerana urat dari ibu jari kaki bersambungan sampai ke

peha dan seterusnya ke dalam rahim ibu. Kalau kaki tersepak, darah akan keluar atau 'tumpah' menurut istilah Mak Bedah. Darah yang keluar berterusan akan membawa maut. Seseorang ibu di waktu lepas bersalin amat dijaga jangan sampai ia terkejut. Apabila seseorang ibu terkejut darah akan melambung ke kepala. Ini akan menyebabkan ia meracau dan mengganggu fikirannya. Ini dipanggil oleh orang Melayu sebagai 'gila merian'.

Selain daripada ini seseorang ibu juga dijaga dari segi makanan. Pantang mengenai makanan hanya dikenakan pada ibu-ibu yang luka tempat kelahiran anak. Makanan-makanan seperti udang, sotong dan daging adalah dilarang. Ini kerana benda-benda ini dipercayai boleh menyebabkan gatal dan merebakkan luka. Bagi ibu-ibu yang telah sembuh lukanya atau tidak mempunyai luka semasa melahirkan anak, mereka dikecualikan daripada pantang ini. Terdapat satu pantang yang dikenakan pada ibu-ibu samaada ia luka atau tidak. Pantang ini ialah memakan benda-benda sejuk. Benda-benda sejuk ini ialah seperti jenis sayur-sayuran, air batu atau air kelapa. Benda-benda ini dilarang memakannya kerana ia boleh menyebabkan seseorang ibu terkancing gigi dan sakit urat sarafnya.

#### KEPERCAYAAN MENCUBA KEBOLEHAN BIDAN SEWAKTU MELAHIRKAN ANAK

Di dalam profesi sebagai seorang bidan terdapat kepercayaan bahawa ada unsur untuk mencuba kepandaian seorang bidan. Terdapat keadaan sewaktu seorang anak itu lahir, ia tidak berkeadaan normal seperti kanak-kanak biasa, sebaliknya ibu itu melahirkan anak yang berbentuk buah anggor atau telur. Untuk keadaan ini hanya bidan-bidan keturunan sahaja yang dapat

memulihkannya. Menurut Mak Teh, anak yang berbentuk telur tadi dikatakan terdiri dari lima rongkol. Telur itu berkeadaan seperti telur ikan dan berwarna kuning. Kalau hendak dipulihkan 'anak telur' tadi, tiap-tiap biji telur itu tidak boleh putus daripada rongkolannya. Menurut Mak Teh, kalau dilihat betul-betul di tengah-tengah rongkolan telur tadi, akan kelihatan seperti pusat seorang bayi.

Sebelum menjalani upacara pemulihan 'anak telur' ini, seorang bidan akan mendapat mimpi terlebih dahulu. Selalunya yang memberi mimpi ini ialah 'Bidan Ketujuh' (1). Bidan ketujuh tidak dapat ditemui secara persendirian tetapi ia hanya dapat ditemui melalui mimpi. Di dalam mimpi, 'Bidan Ketujuh' akan disuruh meletak anak telur tadi ke dalam nyiru dan dibawa ke arus sungai yang deras. Pada waktu yang sama, bidan-bidan tadi akan membaca jampi-jampi. Setelah aturan-aturan ini dijalankan akan terdengar jeritan seorang kanak-kanak dan 'anak telur' tadi bertukar menjadi bentuk manusia.

Mak Jah sebagai seorang bidan yang mendapat ilmu daripada bidan ketujuh pernah mengalami cubaan semasa melahirkan seseorang bayi. Menurut Mak Jah, ia belum pernah mengalami peristiwa-peristiwa seperti anak yang dilahirkan menjadi telur atau dalam bentuk ular. Sungguhpun begitu, beliau pernah mengalami anggota-anggota badan yang tidak sepatutnya keluar dahulu seperti tali pusat, tangan dan kaki. Menurutnya lagi, sewaktu

---

(1) Bidan Ketujuh dianggap mempunyai taraf yang paling tinggi diantara bidan-bidan.

beliau mula-mula menjadi bidan dahulu, ia pernah mengalami kaki yang keluar dahulu. Dari sudut pandangan Mak Jah, kalau seseorang itu bukan bidan keturun, ia tidak mengetahui simbolik atau isyarat di sebalik kejadian ini. Misalnya kalau di dalam proses kelahiran seseorang bayi, maka tangan yang mendahului anggota lain, Mak Jah akan melakukan beberapa cara untuk menghadapi keadaan ini. Caranya ialah ia akan menaruhkan wang 50 sen ke dalam tangan bayi tadi. Kalau kaki yang keluar dahulu, ia akan menyepitkan wang 50 sen juga di antara celah kaki bayi tadi. Setelah itu ia akan membaca sedikit salawat.

Penerangan beliau mengenai fenomena ini ialah bayi yang dilahirkan tadi tidak membawa bekalan yang cukup, jadi disebabkan ini bayi tadi tidak keluar menurut proses normal iaitu kepada yang sepatutnya mendahului anggota-anggota lain. Apabila kelahiran yang tidak normal ini terjadi, maka kita perlulah mencukupkan bekalan bayi tadi kerana kata Mak Jah bayi ini datang ke dunia dengan bekalan yang tidak cukup. Jadi wang 50 sen itu adalah bekalan bagi bayi tadi.

#### B. TEKNIK-TEKNIK PENGUBATAN

Di antara dua orang bidan yang pengkaji temui, terdapat persamaan bagi keduanya di segi teknik pengubatannya terhadap ibu-ibu yang bersalin dan penjagaan anak. Ini mungkin kerana latar belakang mereka di dalam proses menjadi bidan adalah sama. Kedua-dua orang bidan ini adalah terdiri daripada bidan keturunan.

Di dalam penjagaan seseorang ibu sejak dari mula ia hamil hingga melahirkan anak, bidan akan menentukan beberapa peraturan yang harus dilalui oleh ibu-ibu ini. Pada peringkat seseorang ibu hamil, tidak ada penjagaan yang khusus dilakukan oleh bidan. Di dalam kes bidan yang ditemubual oleh pengkaji, terdapat cuma satu upacara yang dilakukan sebelum kelahiran seseorang bayi. Upacara ini ialah 'mandi tian'. Upacara ini dilakukan ialah dengan tujuan untuk menyenangkan seseorang ibu itu melahirkan anaknya. Bidan akan menjampi minyak selusuh yang dipercayai akan menyenangkan kelahiran bayi nanti.

#### PENJAGAAN SELEPAS BERSALIN

Seseorang bidan dapat menunjukkan ketokohnya semasa kelahiran bayi dan penjagaan ibu sehingga habis pantang. Tiap-tiap bidan akan menggunakan caranya yang tersendiri di dalam hal ini. Dengan caranya yang tersendiri, ia akan cuba menyakinkan orang bahawa tekniknya yang lebih baik. Di dalam kes bidan-bidan yang ditemubual oleh pengkaji, mereka menggunakan empat cara di dalam penjagaan seorang ibu.

(1) pantang larang segi makanan (2)

(2) jampi dan ubat-ubatan

(3) mengurut

(2) Telah dibincangkan di bawah tajok 'Kepercayaan - selepas kelahiran'

banyak dibalas dan dibentur dengan telur. Kondisi dilatakan (dipelapuk-pelapuk) pada kawasan tubuh yang anggota si ibu.

## (4) menungku (3)

Selepas saja ibu bersalin, ia akan dikenakan pantang selama empat puluh empat hari. Sebaik saja ibu bersalin, ia akan diurut selama tiga hari berturut-turut. Selepas daripada itu, ibu itu akan ditungku saja. Selepas berpantang selama empat puluh tiga hari, datang hari penamat atau apa yang diistilahkan bidan 'hari penetap batu merian'. Pada hari ini batu merian (tempat bayi duduk semasa di dalam rahim ibu) akan dimasukkan ke tempat asalnya. Jampi akan disertai di dalam menetap batu merian ini. Di dalam upacara penetap batu merian ini, Mak Teh akan menjampi kunyit untuk diminum oleh si ibu. Menurut Mak Teh lagi, dengan menggunakan jampi dan urut, batu merian ini tidak akan keluar lagi dari tempatnya. Ini disebabkan di waktu 'berpantang', batu merian tadi tidak duduk tetap pada satu tempat. Ibu yang duduk mencangkung terlalu lama, batu merian ini akan keluar. Inilah yang sangat diambil berat oleh seseorang bidan sewaktu seseorang ibu itu berpantang. Apabila sampai ke hari empat puluh tiga, si ibu berpantang, batu merian tadi telah kecut dan harus dimasukkan ke tempat asalnya.

CARA MENENTUKAN JANTINA BAYI

Ada berbagai-bagai cara untuk menentukan jantina seseorang bayi. Di antaranya ialah sewaktu upacara mandi tian dijalankan. Di dalam upacara

- (3) Seketul bata bewarna merah atau seketul besi atau seketul batu yang besar dibakar dan dibalut dengan kain. Kemudian diletakkan (dipetap-petapkan) pada keseluruhan bahagian anggota si ibu.

ini buah kelapa digolek di atas perut si ibu. Kalau sewaktu digolek kelapa, anak di dalam kandungan ibu akan menghalakan ponggongnya ke atas, iaitu ponggongnya dihalakan ke atas perut ibu, maka anak yang diramalkan lahir ialah perempuan. Tetapi kalau kepala yang diarahkan ke perut ibu, ini menunjukkan anak di dalam kandungan ialah lelaki. Seorang bidan akan dapat membedakan antara anggota-anggota badan anak dengan hanya merasa perut si ibu tadi.

Cara kedua yang digunakan oleh Mak Jah ialah melihat tabiat ibu itu sendiri semasa mengandung. Tabiat ini ialah selepas makan, ibu tadi suka menyapu tangannya pada kainnya iaitu pada bahagian kainnya di atas pehanya. Menurut ramalan Mak Jah anak yang bakal dilahirkan ialah anak perempuan. Menurut Mak Jah selalunya tekaan beliau betul. Menurut Mak Teh pula, kebolehan menentukan jantina seseorang bayi diperolehi melalui pengalaman dan pemerhatian ke atas ibu-ibu yang telah mengandung. Misalnya untuk mengetahui anak yang dikandung itu anak perempuan dengan melihat bentuk badan ibu yang mengandung daripada belakang. Kalau daripada belakang, ibu kelihatan seperti orang yang mengandung, ibu ini mengandung anak perempuan. Ibu yang mengandungkan anak perempuan dikatakan berkeadaan lemah seperti cepat letih.

Untuk mengetahui jantina anak lelaki caranya juga serupa iaitu dengan melihat keadaan tubuh ibu daripada belakang. Menurut Mak Teh, kalau daripada belakang, ibu itu kelihatan seperti orang yang tidak mengandung, maka ini menunjukkan yang ia sedang mengandungkan seorang anak lelaki. Bentuk perut ibu ini dikatakan berkeadaan tajam. Selalunya ibu yang mengandungkan

anak lelaki keadaannya adalah lebih cergas. Cara ia berjalan juga adalah lebih pantas daripada ibu yang mengandungkan anak perempuan.

#### C. PENGKERAS (BAYARAN)

Menurut Mak Teh, pengkeras bagi bidan adalah 'duit bakul' (4). Bayaran atau pengkeras minima bagi perempuan yang bersalin ialah 25 sen. Wang 25 sen ini disertakan bersama-sama dengan 'Bakul Pengkeras'. Menurut Mak Jah, kadang-kadang ada pelanggannya yang terlupa menyertakan wang 25 sen di dalam 'bakul pengkeras' sewaktu putus ubat (5). Apabila kejadian ini berlaku, tok nenek tadi akan memberitahu Mak Jah mengapa ia tidak di upah pada hal in penat datang untuk menolong mengubati penyakit. Kononnya wang 25 sen itu adalah digunakan oleh 'tok nenek' tadi bagi membeli tembakau. Menurut Mak Teh pula, bidan-bidan yang membela atau menggunakan pesuruh yang dikatakan 'berjin' mesti dibayar pengkeras. Benda-benda berjin ini dibela adalah untuk menakutkan orang atau menggerunkan orang. Dengan ini orang akan lebih menghormati bidan tadi dan tidak berani berbuat sesuka hati. Misalnya orang yang tidak mendengar kata bidan, bidan tadi akan menggertak yang ia akan memulas tengkuk orang yang berkenaan ke belakang. Bagi orang-orang yang tidak memberi pengkeras, benda ini akan mengganggu bidan kerana kononnya pengkeras yang dibayar adalah diuntukkan kepada pesuruh tadi.

- (4) Untuk pengetahuan lebih lanjut sila lihat hal mengenai 'Bakul Pengkeras' di dalam Bab III.
- (5) Putus ubat - selesai menjalani perubatan dan penyakit telah sembuh. Terdapat beberapa upacara tertentu yang mesti diikuti oleh pesakit dan bomoh di dalam hal putus ubat.

## PENERANGAN MENGENAI ILMU YANG MAKAN DIRI

Benda-benda yang terdapat di dalam 'bakul pengkeras' tidak boleh diambil oleh para bidan. Wang atau barang makanan di dalam bakul pengkeras mestilah dibuat kenduri untuk menjamin kesempurnaan. Ilmu makan diri atau bencana buruk seperti sakit akan menimpa diri bidan apabila ia menggunakan duit atau barang makanan di dalam bakul pengkeras untuk dirinya sendiri. Misalnya di dalam bakul pengkeras di antara isi kandungannya ialah beras, beras itu kemudiannya dikumpul di dalam jangka masa setahun kemudian dikendurikan. Wang 25 sen yang terdapat di dalam bakul pengkeras itu harus dikumpul selama setahun dan kemudiannya dibuat kenduri. Jadi alasannya di sini ialah kalau bidan menggunakan benda-benda ini untuk diri sendiri maka ia akan menerima 'sanction' atau balasan iaitu seperti sakit. Fenomena-fenomena seperti ini diadakan mungkin untuk mengelakkan bidan daripada menjadi tamak.

Selain daripada 'bakul pengkeras', bayaran-bayaran yang berupa wang dan hadiah boleh diterima oleh para bidan. Mak Jah umpamanya menetapkan bayaran di dalam melahirkan seseorang bayi. Bagi anak yang sulung, bayarannya ialah \$25.00. Bayaran anak-anak yang dilahirkan seterusnya dikenakan sebanyak \$20.00.

## PENUTUP

Terdapat berbagai penerangan mengenai asal usul institusi perbomohan di Malaysia. Walter William Skeat 'Malay Magic' (1900) menyatakan bahawa bomoh mungkin berasal dari perkataan 'Yang Tua'. Pawang Yang Tua ini mungkin mendahului Tuhan dan mungkin juga Pawang Yang Tua dan Tuhan adalah makluk yang sama. Ini hanyalah merupakan salah satu kepercayaan masyarakat tradisional semata-mata. Tetapi apa yang kelihatan di sini institusi bomoh dikaitkan dengan jangka masa yang lama. Penerangan Profesor Mohd. Taib Osman (1978) mungkin lebih tepat lagi di dalam membincang mengenai kemunculan institusi perbomohan. Dorongan pragmatis menurut beliau boleh menyebabkan kepada kepercayaan yang tertentu. Misalkan apabila manusia berada di dalam keadaan terdesak seperti sakit, ia memerlukan bantuan yang serta merta. Ekoran daripada ini maka timbulah pakar-pakar yang berkebolehan di dalam pengubatan yang kemudiannya dikenali dengan istilah bomoh oleh masyarakat tradisional Melayu.

Kita dapat di dalam tiap-tiap masyarakat di dunia ini terdapat kepercayaan terhadap 'supernatural being'. Penglihatan terhadap dunia ini seolah-olah terbahagi kepada dua iaitu dunia yang didiami oleh manusia dan dunia yang didiami oleh makhluk ghaib yang tidak mungkin dapat dilihat oleh mata kasar. Tetapi sungguhpun dua dunia ini berlainan keadaannya, tetapi bagi keperluan hidup, manusia dan makhluk ghaib terpaksa berinteraksi. Di dalam interaksi manusia dan makhluk ghaib ini terdapat keadaan keharmonian dan pergeseran. Apabila terjadi pergeseran, tidak ada orang yang lebih layak untuk mengembalikan keadaan yang tenang selain daripada pakar

yang telah diterima oleh masyarakat sebagai orang yang boleh menghubungi dunia 'semangat'. Mereka ini ialah seperti bomoh, Shaman, Dukun dan sebagainya.

Keadaan keharmonian boleh membantu manusia dalam banyak hal. Satu keadaan ialah makhluk ini boleh digunakan untuk tujuan kepentingan diri manusia. Bagi masyarakat Melayu, kita ketahui bahawa terdapat bomoh-bomoh yang menggunakan makhluk ghaib bagi banyak tujuan. Antara yang terpenting sekali ialah untuk tujuan perubatan.

Jenis-jenis makhluk ghaib ini terdiri dari berbagai, ada yang berada di bawah kategori hantu, jin islam, roh datok nenek dan malaikat. Tetapi dari kajian pengkaji terdapat hanya kategori roh datok nenek dan malaikat. Terdapat dua orang responden yang menggunakan roh datok nenek di dalam pengubatan mereka. Roh-roh ini dihubungi melalui mimpi. Di dalam pengubatan mereka, roh-roh inilah yang seolah-olah menjadi guru dan membimbing mereka untuk menjadi pakar di dalam hal-hal perubatan. Selain dari itu, dengan 'pembelaan' makhluk-makhluk ghaib ini boleh menjaga keselamatan para bomoh. Makhluk ghaib yang berupa malaikat pula diutuskan oleh Allah S.W.T. kepada mereka yang menjalankan amal ibadat islam.

Keadaan kedua yang berkehendakkan bomoh ialah apabila tidak terdapatnya keharmonian di antara bomoh dan makhluk ghaib. Di dalam kehidupan sehari-hari manusia terdapat keadaan di mana manusia boleh menyebabkan makhluk ghaib marah dan terjadilah gangguan mereka terhadap manusia. Misal keadaan ini seperti manusia menceroboh ke kawasan makhluk ghaib tadi dengan

menebang pokok yang didiami oleh hantu atau membuang air kecil/besar di kawasan rumah makhluk ghaib. Akibatnya menimbulkan kemarahan pada makhluk ghaib dan ia akan mengganggu manusia dengan merasuk.

Bomoh dalam erti kata yang khas dipanggil untuk mengeluarkan makhluk ghaib yang 'merasuk' badan manusia. Terdapat beberapa upacara yang harus dilalui untuk menghentikan gangguan tadi. Antaranya penggunaan jampi-jampi seperti ayat Quran yang boleh menakutkan makhluk ini. Ada juga bomoh yang menjamu hantu-hantu supaya hilang kemarahannya. Selain dari ini, makhluk ghaib boleh mengganggu manusia disebabkan oleh suruhan. Di sini apabila seseorang itu sakit hati pada orang lain, ia akan melepaskan hantunya untuk mengganggu orang yang berkenaan.

Penjelasan di atas hanyalah merupakan suatu analisa yang am oleh pengkaji. Tetapi di dalam kontek perbincangan pengkaji mengenai bomoh, tumpuan hanya diberikan kepada aspek-aspek tertentu sahaja. Perbincangan di dalam bab-bab yang lepas berligar pada dua persoalan pokok iaitu sistem kepercayaan bomoh dan teknik-teknik yang digunakan oleh bomoh untuk tujuan perubatan.

Dari segi sistem kepercayaan, tumpuan yang diberikan adalah kepada interaksi manusia dan sakit. Seperti yang kita ketahui terdapat berbagai jenis bomoh yang pakar di dalam bidang masing-masing dan ada juga seorang bomoh yang mengubati segala macam jenis penyakit. Jadi di sini apa yang hendak ditegaskan oleh pengkaji ialah pandangan bomoh tentang manusia dan penyakit adalah berdasarkan kepada jenis-jenis penyakit yang diubatinya

serta teknik pengubatan yang digunakan. Di dalam kontek kajian pengkaji, terdapat tiga keadaan iaitu mengubati penyakit jiwa (termasuk gangguan makhluk ghaib), fisikal dan kedua-duanya sekali. Tiap-tiap bomoh mempunyai teorinya yang tersendiri tentang 'nature' manusia. Misalnya bomoh yang mengendalikan penyakit jiwa, beliau akan melihat elemen manusia dari segi rohani manusia itu. Hal-hal ini seperti roh, jasad dan rohani.(1). Ketiga-tiga elemen ini bersatu menjadikan manusia. Pandangan beliau adalah dari sudut pandangan islam di mana rohani (jiwa) adalah komponen yang 'dynamic' di dalam tubuh badan manusia. Rohani ini boleh mempengaruhi dan dipengaruhi. Apa yang dimaksudkan di sini ialah rohani boleh mempengaruhi manusia ke arah jalan kebaikan. Rohani juga boleh dipengaruhi oleh anasir luar iaitu apabila seseorang lemah menghadapi keadaan tertentu. Bagi keadaan ini makhluk ghaib juga boleh mempengaruhi Rohani atau yang dinamakan 'rasuk'. Jadi di dalam pengubatan, bomoh akan cuba mengembalikan semangat si pesakit tadi. Bagi penyakit jiwa biasa (yang tidak dirasuk hantu) Haji Salleh akan mengembalikan semangat si pesakit dengan memberi nasihat serta menyuruh mengamalkan ibadat islam supaya ia tenang. Bagi kes yang digangu oleh makhluk ghaib seperti hantu syaitan dan sebagainya, Haji Salleh akan menggunakan jampi-jampi dari ayat Quran untuk mengeluarkan makhluk ghaib tadi dari badan manusia.

Bagi kategori yang kedua, bomoh yang mengendalikan penyakit-penyakit

(1) Sila lihat Bab III di bawah tajuk Sistem Kepercayaan dan Tafsiran Persekutaran (world-view) - (1) Komponen manusia.

fisikal. Di sini penyakit dihubungkan dengan sebab musabab elemen fisikal manusia itu. Misalnya Wak Mat dan Mahaguru yang berada di bawah kategori ini menyatakan manusia itu terdiri dari empat elemen iaitu tanah, air, api dan angin. Mereka juga membuat pemerian tentang berapa tulang yang terdapat di dalam tubuh manusia, lokasinya, bilangan tulang, urat, bulu-bulu di badan dan sebagainya.

Setelah didapati punca penyakit, maka bomoh-bomoh ini akan menjalankan upacara pengubatan. Teknik pengubatan homoh bergantung kepada latar belakang bagaimana mereka dilatih menjadi bomoh. Bagi bomoh yang terlibat dengan penyakit fisikal, kemahiran di dalam mengenali jenis-jenis akar kayu amat penting. Jenis akar kayu yang tertentu akan digunakan pada penyakit yang berkenaan. Elemen asas menurut tiga orang responden yang mengendalikan sakit fisikal ini ialah tanah, air, api dan angin. Ubat-ubatan dari bahan kayu digunakan apabila terdapat ketidakstabilan antara ketiga-tiga elemen ini.

Untuk tujuan ini, ada jenis-jenis akar kayu yang dianggap sejok atau panas dan sebagainya. Misalnya kalau di dalam badan seseorang itu lebih api, maka ubat kayu yang terdiri dari jenis sejok akan digunakan bagi menstabilkan ketiga-tiga elemen tadi. Bomoh di dalam jenis ini adalah lebih kurang seperti doktor (Physician) di mana kebolehan mengubati bergantung pada ilmu yang telah dipelajarinya semata-mata tanpa melibatkan unsur-unsur ghaib. Misalnya di dalam mengubati pesakit, seseorang itu terlebih dahulu mestilah memeriksa pesakitnya semua seperti yang dijalankan doktor. Langkah pertama ialah memeriksa nadi pesakit. Melalui

perubahan teknologi, bomoh juga mengubah teknik pengubatannya. Kalau dahulu ia memegang nadi tangan untuk memeriksa pesakit tetapi hari ini dalam kes Wak Mat, ia menggunakan 'Stethoscope' untuk memeriksa pesakit. Satu lagi contoh di dalam proses mengenal daun-daun di hutan, Wak Mat telah menggunakan Kamera untuk mengambil gambar-gambar akar kayu. Ini menunjukkan bahawa melalui perubahan masa, institusi bomoh juga mengalami proses ini. Di sini kebolehan mengubat bergantung pada kepandaian bomoh semata-mata.

Bagi bomoh yang mengendalikan penyakit fisikal dan batiniah sekaligus, kebolehan bomoh merupakan soal kedua. Apa yang penting dalam keadaan ini makhluk ghaib akan sentiasa membantu di dalam pengubatan. Ini kerana sejak awal-awal lagi, bomoh ini telah diasuh oleh makhluk ghaib ini di dalam perubatan. Bomoh-bomoh ini mendakwa bahawa jampi-jampi serta ramuan untuk ubat-ubatan diperolehi melalui mimpi. Bagi keadaan yang serious, bomoh akan 'lupa diri' dan segala upacara ubat-ubatan diambil alih oleh makhluk ghaib.

Di sini sungguhpun institusi bomoh dianggap satu institusi yang tradisional tetapi di dalam dunia moden ini, bomoh dapat menyesuaikan dirinya dengan keadaan yang baru ini. Bidang mengubati penyakit bertambah luas. Pada masa dahulu bomoh lebih banyak terlibat dengan penyakit-penyakit yang berhubung dengan 'supernatural being' dan penyakit biasa. Hari ini penyakit-penyakit yang dianggap baru ini juga diubati oleh bomoh. Misalnya penagihan dadah dan penyakit jiwa juga diubati oleh para bomoh. Mahaguru misalnya mengubati penyakit dadah dan Haji Salleh mengubati

penyakit jiwa.

1. Suatu masa dahulu status perubatan doktor dianggap berada di tahap yang lebih tinggi daripada institusi perbomohan. Tetapi yang jelas di sini, setelah beberapa kurun institusi bomoh masih dapat menegak hingga hari ini. Yang berbeza cumalah terdapat sedikit perubahan pada institusi perbomohan kerana mengikut teknologi yang moden.
2. Disunting oleh R. Wagner dan R.S. Tan 'Psychological problems and treatment in Malaysia'. University of Press., Kuala Lumpur 1975.
3. Chen, Paul C.Y. - 'Perubatan Melayu Lama dengan cara perubatan moden'. Disunting oleh Mohd. Yacob Osman 'Muzium Lisan di Malaysia' Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia 1975.
4. Radcliff, Kirk H - 'An analysis of Malay Magic'. Oxford University Press, London 1970.
5. Firth Raymond - 'Faith and Science in Malayan Village magic'. Disunting oleh William Reff 'Religion, Religion Society and politics in the Malay states'. Columbia University, New York, 1974.
6. Firth Raymond - 'Hima, a term in Malay Spirit Leadership'. The Hague, Mouton, 1962.
7. Faridah Abd. Rahim - 'Kajian Peranan Bongoh di Komuniti Pegambut'. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sastera, Universiti Melayu, Kuala Lumpur 1973/74.
8. Giuletto Jr. 'Malay Potions and Charms Cures'. Oxford University Press, Kuala Lumpur 1975.
9. Huda Rajah Hussain - 'Peranan yang dilakukan oleh Bongoh dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan'. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera, Universiti Melayu 1973/74.
10. Hilton Steenert - 'Oscama Theory in Malaysia'. Disunting oleh Charles Tart 'Altered States of consciousness'. University of California, Davis 1964.
11. Kedum Abdul - 'Agak Keperdayaan dan Pactus Laranas'. Waktu Mengandung dan Dalam hari. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sastera, Universiti Melayu, Kuala Lumpur, 1973/74.
12. Mat Yusof Kasim - 'Kewenangan Runtu dalam masyarakat Melayu Komuniti Sungai dan cara-cara perubatan tradisional yang berkaitan dengannya'. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera, Universiti Melayu 1976.

BIBLIOGRAFI

1. Abdillah Hassan - 'Kepercayaan-kepercayaan & Ilmu Dukun di Kelompok Tson-Suq (suluh) daerah Sandakan'. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973/74.
2. Banks David J. - 'Trance and Dance in rituals in north-western Malaya: The Hindu-Buddhist Complex in northwest Malay Folk Religion', Buffalo, New York 1976.
3. Colson, A.C. - 'The Perception of Abnormality in a Malay Village' - Disunting oleh N. Wagner dan E.S. Tan 'Psychological problems and treatment in Malaysia'. University of Press., Kuala Lumpur 1975.
4. Chen, Paul C.Y. - 'Perobatan Melayu Lama dengan cara perobatan cara moden'. Disunting oleh Mohd. Taib Osman 'Tradisi Lisan di Malaysia' Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia 1975.
5. Endicott, Kirk M - 'An analysis of Malay Magic'. Oxford University Press, London 1970.
6. Firth Raymond - Faith and Sceptism in Kelantan Village magic. Disunting oleh William Roff 'Kelantan: Religion Society and politics in the Malay states'. Colombia University, New York, 1974.
7. Firth Raymond - 'Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship'. The Hague, Mouton, 1967.
8. Faridah Abd. Rahim - Perubahan Peranan bomoh di Kampung Segambut. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1973/74.
9. Gimlette J.D. - 'Malay Poisons and Charm Cures'. Oxford University Press, Kuala Lumpur 1915.
10. Huda Haji Kassim - 'Peranan yang dimainkan oleh Bomoh dalam masyarakat Melayu di Muar hari ini' - Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya 1973/74.
11. Kilton Stewart - 'Dreams Theory in Malaya!.. Disunting oleh Charles Tart 'Altered States of consciousness'. University of California, Davis 1969.
12. Maimun Abdul - Aspek Kepercayaan dan Pantang Larang: Waktu Mengandung dan Dalam hari, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973/74.
13. Mat Yusof Kassim - 'Konsep Hantu dalam masyarakat Melayu Kampung Sungai dan cara-cara perubatan tradisional yang berkaitan dengannya'. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya 1974.

14. Mohd. Taib Osman - 'Patterns of Supernatural being premises underlying the institution of the Bomoh in Malay culture' - Bijdragen Koninklij Instituut roor Taal - Land - en Volken Kunde 128 - 1972
15. 'Kepercayaan tradisional dalam sistem kepercayaan Melayu ditinjau dengan pendekatan Antropologi Budaya'. Disusun oleh Mohd. Taib Osman dan Hamdan Hassan 'Bingkisan Kenangan Untuk Pendita'. Percetakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1978.
16. 'Perbomohan: Satu aspek world-view dalam kebudayaan Melayu'. Disunting oleh Dr. Zainal Kling 'Masyarakat Melayu antara tradisi dan perubahan'. Utusan Publications dan Distributions, Kuala Lumpur 1977.
17. 'The Bomoh's Role in rural society' New Straits Times, 1975 (April 1).
18. Najmah Zakaria - 'Perbidanan yang bercorak tradisional di kawasan Tapah' - Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya 1973/74.
19. Rumah Ibrahim - 'Pandangan masyarakat Melayu Sungai Way mengenai perubatan tradisional dan perubatan moden'. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1974/75.
20. Skeat, Walter W. - 'Malay Magic - An Introduction to the Folklore and popular religion of the Malay Peninsula' - Dover Publication, Inc. New York 1967.
21. Winstedt R.O. - 'The Malays - A Cultural History' - Routledge and Kegan Paul Ltd., London and Boston repr. 1974.
22. 'The Malay Magician; being Shaman, Saiva & Sufi', Routledge and Kegan Paul, London 1951.
23. Wolff Robert J. - 'Modern Medicine and Traditional Culture: Confronation on the Malay Peninsula'. Journal - Human Organisation, Volume 24, No. 1 Spring 1965.
24. Zainal Abidin bin Sulong - 'The Work of Bomoh in Kelantan' - Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastra, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1957.
25. Zaimah bt. Daud - 'Peranan Upacara dan Pantang Larang dalam masyarakat Melayu Gemenceh' - Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastra, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1973/74.

## APPENDIX

### LAMPIRAN I

#### SOAL SELIDIK

#### BAHAGIAN A

##### LATAR BELAKANG BOMOH

1. Nama responden
2. Umur
3. Jantina
4. Taraf perkahwinan - Bujang/Berkahwin
5. Tempat tinggal
6. Tempat lahir
7. Pekerjaan sebagai bomoh - tetap/sambilan
8. Sudah berapa lama menjadi bomoh
9. Pekerjaan lain selain daripada menjadi bomoh
10. Taraf pendidikan bomoh

#### BAHAGIAN B

##### SOALAN-SOALAN PENYELIDIKAN

1. Bagaimana memperolehi ilmu perubatan?
  - a) melalui menuntut - bagaimana caranya?
  - b) turun temurun iaitu pusaka - bagaimana caranya?
2. Jenis-jenis penyakit yang diubati.
3. Bagaimanakah cara-caranya yang digunakan oleh bomoh untuk

- mengubati penyakit?
- a) adakah jampi semata-mata?
  - b) menggunakan ramuan akar-akar kayu
  - c) mengkombinasikan kedua-duanya sekali.
4. Adakah bomoh menggunakan 'pesuruh' di dalam pengubatannya seperti hantu, jin dan sebagainya?
5. Jenis-jenis jampi yang digunakan? Adakah ianya berupa bahasa Melayu, bahasa Thai atau ayat-ayat al-Quran?
6. Berapa banyak cara yang digunakan untuk mengubati satu penyakit?
7. Di antara cara-cara ini, yang manakah cara yang paling berkesan?
8. Apakah alat-alat yang digunakan di dalam perubatan seperti benda-benda yang dianggap azimat dan sebagainya?
9. Bagaimanakah pandangan bomoh tentang perubatan moden dan perubatan tradisional?
10. Bagaimanakah teori bomoh tentang 'supernatural being'?
11. Adakah pelanggan-pelanggan yang datang berubat pada bomoh setelah gagal berubat dengan doktor?
12. Apakah alasan-alasan bomoh kalau teorinya tentang sesuatu fenomena itu tidak betul?
13. Apakah cara-caranya yang digunakan bomoh untuk mempertahankan perubatannya daripada saingan perubatan moden?

LAMPIRAN II



Gambar 1 - Seorang responden di kedai ubat-ubatannya di Pekan Rabu, Alor Star, Kedah.



Gambar 2 - Rumah Mahaguru yang hanya menerima pesakit-pesakit pada hari tertentu sahaja iaitu Jumaat dan Selasa.



Gambar 3 - Papan tanda di hadapan rumah Mahaguru untuk menyenangkan pesakit-pesakitnya mencari rumah beliau.



Gambar 4 - Gulungan-gulungan kain yang terdapat di dalam gambar ialah rokok resdong yang dibuat oleh Mahaguru.



Gambar 5 - Benda-benda putih yang diletakkan di atas kayu yang panjang itu ialah simen-simen kaki pesakit yang datang berubat kepada beliau.



Gambar 6 - Mahaguru menunjukkan sebahagian daripada ramuan ubat-ubatannya.



Gambar 7 - Seorang responden sedang mengurut kaki seorang pesakitnya.



Gambar 8 - Wak Mat menunjukkan akar-akar kayu yang digunakan oleh beliau di dalam pengubatannya.



Gambar 9 - Pembantu Wak Mat sedang membancuh ramuan ubat-ubatan.



Gambar 10 - Kelihatan seorang responden sedang menggulung rokok resdong untuk dijualkan kepada pelanggannya.



Gambar 11 - Barang-barang yang berada di dalam saputangan adalah dianggap barang-barang hikmat oleh Mahaguru. Perhatikan terdapat dua biji batu yang bewarna putih dan berbentuk bulat, ini adalah geliga embun. Benda yang ditunjukkan oleh anak panah ialah gading gajah mina.



Gambar 12 - Batu ini dikenali dengan nama Batu Halalintar. Ianya sangat susah didapati dan merupakan salah satu barang-barang hikmat kepunyaan Mahaguru.